

قَتِيقَن تِيْتَه

PETIKAN TITAH

"MENYEBUT mengenai inovasi, warga Perkhidmatan Awam, tidak boleh tidak, perlu menjana idea-idea baharu bagi memacu penyampaian perkhidmatan yang lebih berkesan" - Titah Sempena Hari Perkhidmatan Awam Kali Ke-24 pada 3 Rabiulawal 1439H / 22 November 2017M.



قلبي في بيتا BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانيسنى ايمان

MANISNYA IMAN

"DAN mereka yang apabila membelanjakan harta, mereka tidak berlebih-lebihan dan tidak juga bakhil dan sebaliknya perbelanjaan mereka itu adalah sederhana di antara keduanya." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Furqaan, ayat 67.

Waktu Sembahyang

IMSAK
4.35

SUBUH
4.45

SYURUK
6.10

DUHA
6.35

ZUHUR
12.24

ASAR
3.50

MAGHRIB
6.35

ISYAK
7.51

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

TAHUN 64 / BILANGAN 75

24 JUN 2019 / 1440 شوال 19

JABATAN PENERANGAN

EDISI ISNIN / PERCUMA

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn



KEMENTERIAN Pembangunan
rai Sambutan Aidilfitri
Muka 10



MONDEB2B kembangkan
keusahawanan PKS
Muka 12



DATO Seri Pahlawan Haji
Mohammad Irwan
Pesuruhjaya Polis baharu
Muka 13



PEKERTI adakan Majlis
Penghargaan
Muka 18

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34 buka tirai



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama para pemimpin negara-negara ASEAN ketika berangkat bagi menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34 - Foto : Mohamad Azmi Awang Damit (Lihat muka 3 hingga 8).



Siaran Akhbar :
Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi
Awang Damit, Azmah Haji Ahad

BANGKOK, THAILAND, Ahad, 23 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali

Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34; Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34; dan Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Perdana Menteri Thailand.

Ke muka 3

Kolaborasi berterusan BIMP-EAGA Tingkatkan keupayaan menangani impak ekonomi global

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANGKOK, THAILAND, Ahad, 23 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien,

Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mempengerusikan Sidang Kemuncak Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) Ke-13.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Sidang Kemuncak tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Ke muka 4

Berangkat meninggalkan Bangkok



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan menerima junjung ziarah seurus sebelum berangkat meninggalkan tempat persemayaman baginda ketika berada di Bangkok, Thailand setelah selesai menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANGKOK, THAILAND, Ahad, 23 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi

Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat meninggalkan Bangkok, Thailand selesai menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34 yang berlangsung mulai 22 hingga 23

Jun 2019.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sebelum berangkat meninggalkan hotel persemayaman baginda, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Berada di Lapangan Terbang Antarabangsa Dom Mueang, Bangkok bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Haji Ismail bin Haji Abdul Manap; juga pegawai-pegawai dan kakitangan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Bangkok, Thailand.

Turut hadir bagi menyebarkan selamat berangkat ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Thailand, Tuan Yang Terutama Haji Ismail bin Haji Abdul Manap; juga pegawai-pegawai dan kakitangan Kedutaan Besar Negara Brunei Darussalam di Bangkok, Thailand.

Sebelum berangkat menaiki pesawat, Kebawah DYMM berkenan menerima *garland* bunga daripada Tuan Yang Terutama Timbalan Perdana Menteri Thailand.

Dari Sidang Pengarang.

24 JUN 2019 BERSAMAAN 1440 19

BERKEMBANG MAJU, BERGERAK SELARAS DENGAN PERUBAHAN, KEPERLUAN SEMASA

KERAJAAN Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sejak berdekad lamanya tidak kendur-kendur untuk sentiasa memperbaiki sistem pendidikan di negara ini.

Dari Dasar Pendidikan 1972, pengenalan pendidikan inklusif sejak tahun 1997, penguatkuasaan Akta Pendidikan Wajib 2007, pengenalan Sistem Pendidikan Abad Ke-21 (SPN 21), semua ini adalah antara beberapa langkah-langkah untuk memastikan sistem pendidikan di negara ini terus relevan dan melahirkan insan-insan yang dinamik dan berkaliber demi kelangsungan bangsa dan negara.

Usaha yang berterusan ini ternyata membuahkan hasil melalui pencapaian-pencapaian yang bukan sahaja di peringkat negara malahan juga mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa.

Antara hasil yang dimaksudkan ialah pencapaian literasi yang cemerlang dengan UNESCO mencatat antara 93 peratus dan 99 peratus tahap literasi dalam kalangan rakyat Brunei bagi tempoh 1980 hingga ke hari ini.

Malahan baru-baru ini negara menerima perkhabaran yang menggembirakan apabila dua institusi pengajian tinggi di negara ini iaitu Universiti Brunei Darussalam dan Universiti Teknologi Brunei berjaya mencapai kedudukan yang membanggakan dalam Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings.

Menurut QS World University Rankings pada 19 Jun 2019, kedudukan UBD meningkat dari posisi 323 tahun lepas kepada 298 tahun ini. Sementara itu bagi UTB pula, meningkat 63 anak tangga dari posisi 442 kepada 379 pada tahun ini.

Antara universiti-universiti lain yang berada pada tangga 400 teratas termasuk University of Kent, University of Essex dan Oxford Brookes University di United Kingdom; University of Kansas dan University of Massachusetts Amherst di Amerika Syarikat; Lincoln University di New Zealand; Hiroshima University di Japan; Mahidol University di Thailand dan lainnya.

QS World University Rankings adalah penerbitan tahunan kedudukan universiti oleh Quacquarelli Symonds (QS) dan menjadi salah satu daripada tiga rujukan utama bagi kedudukan universiti-universiti di seluruh dunia dengan Academic Ranking of World Universities dan Times Higher Education World University Rankings.

Dengan pencapaian dari kedua-dua buah universiti ini setentunya membuktikan kepada dunia bahawa negara ini walaupun berukuran kecil bagaimanapun mempunyai institusi pengajian tinggi yang amat berkaliber dan bertaraf antarabangsa serta mampu melahirkan cendekiawan-cendekiawan dari dalam dan luar negara.

Pencapaian-pencapaian ini juga adalah selaras dengan Wawasan Brunei 2035, di mana melalui wawasan ini, adalah dihasratkan Negara Brunei Darussalam menjadi sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berkeupayaan untuk membawa negara sebagai sebuah negara maju yang kekal memegang konsep Melayu Islam Beraja. - **Ketua Penyuntingan (Ss).**



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bersama paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen menadah tangan ketika Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned (kiri), sementara gambar kanan, baginda berkenan menerima *garland* bunga daripada Timbalan Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Prawit Wongsuwan seurus sebelum berangkat menaiki pesawat.

RAMALAN CUACA 3 HARI

ISNIN	SELASA	RABU
BANDAR SERI BEGAWAN		
31 24 °C	32 26 °C	32 26 °C
PEKAN BANGAR		
32 24 °C	32 25 °C	32 25 °C
PEKAN TUTONG		
32 24 °C	32 24 °C	32 25 °C
KUALA BELAIT		
32 25 °C	32 26 °C	32 25 °C

Wallahuallah Bissawab | Talian Cuaca
Jabatan Kajiucara
Brunei Darussalam
www.met.gov.bn

114

Brunei WX
App

WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud:
"...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasya' dan mungkar."

Masihi JUN	HARI	Hijrah SYAWAL	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
24	ISNIN	19	4.35	4.45	6.10	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
25	SELASA	20	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
26	RABU	21	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
27	KHAMIS	22	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
28	JUMAAT	23	4.36	4.46	6.11	6.35	12.24	3.50	6.35	7.51
29	SABTU	24	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52
30	AHAD	25	4.37	4.47	6.12	6.36	12.25	3.51	6.36	7.52

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit



TALIAN
KECEMASAN

AMBULANS
991

POLIS
993

BOMBA
995

PENYELAMAT
998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam

NDMC
123
2380214

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34 buka tirai



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat bagi menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34 (kiri dan kanan).

mula-mula berangkat bersama para pemimpin ASEAN yang lain bagi menghadiri Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34 yang berlangsung di Crystal Hall.

Majlis Pembukaan Rasmi tersebut dimulakan dengan persembahan koir lagu tema ASEAN, diikuti dengan Ucapan Pembukaan daripada Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (Bersara) Prayut Chan-o-cha, selaku Pengerusi ASEAN.

Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN dan delegasi-delegasi kemudiannya menyaksikan sebuah persembahan kebudayaan bertajuk 'Vivid ASEAN'.

Seterusnya para pemimpin ASEAN juga menyaksikan tayangan video 'ASEAN Center of Military Medicine' dan 'ASEAN Satellite Warehouse in Chainat Province under the Emergency Logistics System for ASEAN', yang mana kemudiannya dirasmikan bersama oleh Pemimpin-pemimpin ASEAN.

Di penghujung majlis, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga berkenan menyertai sesi bergambar ramai bersama pemimpin-pemimpin ASEAN dan Setiausaha Agung ASEAN.

Selepas Majlis Pembukaan Rasmi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan berangkat bersama-sama

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad

para pemimpin ASEAN yang lain bagi Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34, bertempat di Grand Hall hotel berkenaan.

Sesi Retreat tersebut dipengerusikan oleh Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (Bersara) Prayut Chan-o-cha selaku Pengerusi ASEAN. Juga hadir, Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi.

Semasa Retreat berkenaan,

para pemimpin sama-sama berbincang dan bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu semasa di peringkat serantau dan antarabangsa.

Selepas menghadiri Sesi Retreat, Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berkenan berangkat bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN lain bagi Majlis Santap Tengah Hari yang dihoskan oleh Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand.



Dari muka 1

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara

Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sejurus keberangkatan tiba di The Athenae Hotel, Kebawah Duli Yang Maha Mulia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Retreat Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34 yang berlangsung di Grand Hall.

PERDANA Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (Bersara) Prayut Chan-o-cha, selaku Pengerusi ASEAN semasa menyampaikan Ucapan Pembukaan pada Majlis Pembukaan Rasmi Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34, Bangkok, Thailand (atas, kiri), sementara gambar kiri sekali dan kiri, antara persembahan kesenian dan kebudayaan yang memperlihatkan kepelbagaian budaya di negara-negara ASEAN pada majlis pembukaan tersebut.

Kolaborasi berterusan BIMP-EAGA

Tingkatkan keupayaan menangani impak ekonomi global



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi mempengerusikan Sidang Kemuncak Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) Ke-13 yang berlangsung di The Athenee Hotel, Bangkok, Thailand. Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kanan).



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad

Dari muka 1

Sejurus berangkat tiba, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan berangkat masuk ke Pimarn Siam Hall, di mana Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Ke-13 diadakan bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan Republik Indonesia,

Malaysia dan Republik Filipina selaku negara anggota BIMP-EAGA.

Sebelum Sidang Kemuncak tersebut dimulakan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan bagi sesi bergambar ramai bersama para pemimpin BIMP-EAGA yang lain. Sidang Kemuncak

BIMP-EAGA Ke-13 ini dimulakan dengan titah pembukaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku Pengerusi Sidang Kemuncak tersebut.

Dalam titah pembukaan, baginda terlebih dahulu mengalu-alukan kehadiran para pemimpin BIMP-EAGA di atas kehadiran mereka ke Sidang Kemuncak tersebut.

Tahun ini, titah baginda, menandakan Ulang Tahun Ke-25 Penubuhan BIMP-EAGA, dan sejak penubuhannya para pemimpin dapat melihat keteguhan kerjasama Negara-negara Anggota BIMP-EAGA dalam memastikan usaha berterusan untuk mengecapi kemajuan di sub-rantau ini di tengah-tengah cabaran ekonomi berubah-ubah.

Baginda seterusnya bertitah, para pemimpin juga

menyaksikan impak inisiatif-inisiatif yang diungayahkan, yang mana memberikan manfaat kepada masyarakat di rantau BIMP-EAGA mahupun di peringkat ASEAN secara meluas.

Walau bagaimanapun, titah baginda lagi integriti kolaborasi sedemikian kini menghadapi cabaran baharu dengan realiti landskap ekonomi yang berubah-ubah, termasuklah ancaman kepada prospek pertumbuhan disebabkan oleh *protectionist*, *economic nationalist* dan *inward-looking stance* dari negara-negara yang pernah menjadi peneraju-peneraju global bagi keterbukaan ekonomi.

Untuk menentang cabaran ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengalu-alukan kolaborasi berterusan BIMP-EAGA yang dapat mengukuhkan lagi ikatan kerjasama dan meningkatkan keupayaan rantau tersebut dalam

menangani impak ekonomi global.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menyentuh mengenai Visi BIMP-EAGA 2025 yang telah membutuhkan strategi-strategi kemajuan di rantau ini dan baginda percaya bahawa banyak kemajuan telah dibuat dalam pelaksanaannya sejak dua tahun lalu.

Juga menghadiri Sidang Kemuncak ini, Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi dan Presiden Asian Development Bank (ADB), Tuan Yang Terutama Takahiko Nakao.

Satu Kenyataan Bersama telah diluluskan pada penghujung Sidang Kemuncak berkenaan.

Dengan tamatnya Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Ke-13 ini, menandakan berakhirnya Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34 yang berlangsung selama dua hari.



ANTARA pemimpin negara ASEAN yang hadir pada Sidang Kemuncak Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) Ke-13 yang berlangsung di Pimarn Siam Hall (atas), sementara gambar kanan, suasana Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Ke-13 berkenaan.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34 yang berlangsung di The Athenee Hotel, Bangkok.

ASEAN perlu lebih inklusif



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANGKOK, THAILAND, Sabtu, 22 Jun. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan berangkat menghadiri Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34 yang berlangsung di The Athenee Hotel, Bangkok.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Sesi Plenari tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34 dimulakan dengan Ucapan Pembukaan daripada Perdana Menteri Thailand dan Pengerusi ASEAN, Tuan Yang Terutama Jeneral (Bersara) Prayut Chan-o-cha bagi mengalu-alukan kehadiran Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN yang hadir.

Diikuti kemudian dengan Laporan Kemajuan ASEAN yang disampaikan oleh Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi.

Semasa Sesi Plenari tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah, di mana baginda

mengucapkan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia King Maha Vajiralongkorn di atas upacara-upacara pertabalan baginda yang mengagumkan.

Seterusnya baginda mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand dan Tuan Yang Terutama Presiden Republik Indonesia atas pelantikan Tuan-Tuan Yang Terutama.

Baginda selanjutnya bertitah bahawa Negara Brunei Darussalam menyokong sepenuhnya Pengerusi Thailand dan mengalu-alukan pendekatan yang mampan ke arah memastikan kejayaan yang berpanjangan bagi Komuniti ASEAN di mana kerja-kerja di kalangan ASEAN hendaklah lebih inklusif dan manfaatnya dikongsi oleh rakyat di pelbagai lapisan masyarakat Asia Tenggara.

Ada beberapa peluang yang lain untuk membangun Komuniti ASEAN yang lebih sepadu; termasuk penguatkuasaan kerjasama dalam pendidikan dengan memudahkan cara program-program pertukaran pelajar di kalangan negara-negara anggota ASEAN untuk membina persahabatan, di samping membantu para belia untuk memahami kepelbagaian di rantau ini.

Selain itu membangun inisiatif-inisiatif yang dapat lebih mempersiapkan ASEAN untuk masa depan digital dengan gabungan pergerakan dan kesalinghubungan intra-ASEAN yang kian berkembang melalui



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mendengarkan Laporan Kemajuan ASEAN pada Sesi Plenari Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34.

penguatkuasaan telekomunikasi serantau, khususnya di kawasan-kawasan perayauan data mudah alih.

Baginda percaya bahawa ini juga akan sangat membantu perniagaan dan pengembara dalam ASEAN dan berharap agar para pemimpin ASEAN dapat memberikan galakan politik yang kuat ke arah merealisasikan inisiatif tersebut tepat pada masanya, yang mana akan dapat memberi manfaat secara langsung kepada rakyat ASEAN.

Dan seterusnya untuk menyedari bahawa menangani segala cabaran akan dapat menyatukan rakyat ASEAN, yang perlu diberikan peluang untuk saling membantu satu sama lain memandangkan kesan perubahan iklim masih kekal menjadi kekhawatiran utama dan

kekerapan bencana alam di Asia Tenggara yang semakin meningkat.

Mengakhiri titah, baginda mengingatkan bahawa Komuniti ASEAN Berpaksikan Rakyat amatlah penting untuk masa hadapan yang mampan, dengan keamanan, kestabilan dan

kesejahteraan untuk semua.

Selesai Sesi Plenari, Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan berangkat bersama Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN yang lain bagi Majlis Santap Malam Gala.



BERANGKAT mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada Sesi Plenari tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Pemimpin ASEAN bersama perwakilan Perhimpunan Antara-Parlimen ASEAN (AIPA) yang berlangsung di Pimarn Siam Hall, The Athenee Hotel, Bangkok.

BANGKOK, THAILAND, Sabtu, 22 Jun - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji

ASEAN dan AIPA terus diperkukuh

Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Pemimpin ASEAN bersama perwakilan Perhimpunan Antara-Parlimen ASEAN (AIPA); Mesyuarat Pemimpin ASEAN bersama perwakilan Belia ASEAN; dan Mesyuarat Pemimpin ASEAN bersama perwakilan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ABAC).

Mesyuarat-mesyuarat tersebut berlangsung di Pimarn Siam Hall, The Athenee Hotel, Bangkok.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia mula-mula berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Pemimpin ASEAN bersama perwakilan dari Perhimpunan Antara-Parlimen ASEAN (AIPA).

Mesyuarat tersebut dimulakan dengan ucapan pembukaan daripada Perdana Menteri Thailand dan Pengerusi ASEAN bagi mengalu-alukan para perwakilan AIPA, Tuan Yang Terutama Jeneral (Bersara) Prayut Chan-o-cha.

Kemudian diikuti dengan ucapan daripada Presiden AIPA, Tuan Yang Terutama Chuan Leekpai.

Pada Mesyuarat tersebut, Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN bersama perwakilan-perwakilan AIPA membangkitkan isu-isu serantau



Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Azmah Haji Ahad

dan antarabangsa yang dapat diperkembangkan dan diperkukuhkan lagi antara kedua-dua belah pihak, terutamanya ke arah mendukung pembangunan teras Komuniti Sosio-Budaya ASEAN.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya berkenan menghadiri Mesyuarat Pemimpin ASEAN bersama perwakilan Belia ASEAN.

Mesyuarat tersebut dimulakan dengan ucapan pembukaan

daripada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand, yang seterusnya menjemput perwakilan Belia ASEAN untuk menyampaikan ucapan.

Pada Mesyuarat itu, para pemimpin ASEAN dan perwakilan-perwakilan belia ASEAN bertukar-tukar pandangan mengenai kepentingan pendidikan, alam sekitar dan pembangunan sosio-ekonomi yang inklusif.

Ke muka 7



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Pemimpin ASEAN bersama perwakilan Perhimpunan Antara-Parlimen ASEAN (AIPA) bersama para pemimpin ASEAN yang lain di Pimarn Siam Hall, The Athenee Hotel, Bangkok.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Pemimpin ASEAN bersama perwakilan Belia ASEAN; dan Mesyuarat Pemimpin ASEAN bersama perwakilan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ABAC), di mana berangkat sama pada Mesyuarat Pemimpin ASEAN bersama perwakilan ABAC, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen (atas dan kanan).



Dari muka 6

Selesai menghadiri Mesyuarat Belia ASEAN, Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berkenan menghadiri Mesyuarat Pemimpin ASEAN bersama perwakilan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ABAC). Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke mesyuarat itu ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Mesyuarat tersebut telah dimulakan dengan ucapan pembukaan daripada Perdana Menteri Thailand, diikuti dengan ucapan daripada Pengerusi ABAC, Tuan Yang Terutama Arin Jira.

Pada mesyuarat tersebut, para pemimpin ASEAN dan ABAC membincangkan perkara-perkara bagi memajukan Komuniti Ekonomi ASEAN

untuk kesejahteraan rakyat.

Selain dari itu, Pengerusi ABAC juga melaporkan mengenai kepentingan ekonomi digital dan manfaat yang dapat diperoleh melalui Revolusi Industri Keempat.

Mesyuarat-mesyuarat tersebut juga telah dihadiri oleh Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Lim Jock Hoi.

JUGA hadir pada Mesyuarat Pemimpin ASEAN bersama perwakilan Perhimpunan Antara-Parlimen ASEAN (AIPA), Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Awang Haji Abdul Rahim.



WAKIL Negara Brunei Darussalam (kanan) pada Mesyuarat Pemimpin ASEAN bersama perwakilan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ABAC) yang berlangsung di Pimarn Siam Hall, The Athenee Hotel, Bangkok. Manakala gambar kanan, salah seorang peserta Negara Brunei Darussalam pada Mesyuarat Pemimpin ASEAN bersama perwakilan Belia ASEAN diwakili oleh Awang Haji Abdul Mateen Bolkini bin Haji Ahmad.

Majlis Santap Malam Gala



BANGKOK, THAILAND, Sabtu, 22 Jun - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam malam tadi berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam Gala yang dihoskan oleh Perdana Menteri

Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (Bersara) Prayut Chan-o-cha.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Santap tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen.

Ketibaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ke majlis tersebut

dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand yang juga selaku Pengerusi ASEAN, dan isteri, Puan Naraporn Chan-o-cha.

Kebawah DYMM seterusnya berkenan menyertai Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN yang lain bagi sesi bergambar ramai.

Semasa Majlis Santap tersebut, para pemimpin dan delegasi



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen berkenan berangkat menghadiri Majlis Santap Malam Gala yang dihoskan oleh Perdana Menteri Thailand, Tuan Yang Terutama Jeneral (Bersara) Prayut Chan-o-cha (atas), sementara gambar kiri, ketibaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia ke majlis tersebut dialu-alukan oleh Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Thailand yang juga selaku Pengerusi ASEAN, dan isteri, Puan Naraporn Chan-o-cha.

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Azmah Haji Ahad

ASEAN juga menyaksikan beberapa persembahan kebudayaan dan muzik.

Majlis yang berlangsung di Crystal Hall, Athenee Tower ini diadakan bagi merayakan

kehadiran Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN dan Setiausaha Agung ASEAN yang sedang menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyertai Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN yang lain bagi sesi bergambar ramai pada Majlis Santap Malam Gala berkenaan.



PARA pemimpin dan delegasi ASEAN juga menyaksikan beberapa persembahan kebudayaan dan muzik di Crystal Hall, Athenee Tower, iaitu bagi merayakan kehadiran Ketua-ketua Negara dan Kerajaan ASEAN dan Setiausaha Agung ASEAN yang sedang menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-34.



Aidilfitri warga, mantan Penerangan meriah



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Penasihat Bersama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Silaturahmi Hari Raya Aidilfitri Warga Penerangan bersama Mantan Warga Penerangan anjuran Jabatan Penerangan dengan kerjasama Mantan Warga Penerangan. Juga hadir, mantan-mantan Pengarah Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah selaku Penasihat Bersama; Awang Haji Mahrub bin Haji Murni; dan Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong selaku Pengerusi Bersama; bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad juga selaku Pengerusi Bersama.

Oleh : Nooratini Haji Abas

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BERAKAS, Ahad, 23 Jun. - Jabatan Penerangan dengan kerjasama Mantan Warga Penerangan menganjurkan Majlis Silaturahmi Hari Raya Aidilfitri Warga Penerangan bersama Mantan Warga Penerangan, bertempat di Harini Restaurant, Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib

Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Penasihat Bersama.

Juga hadir, mantan-mantan Pengarah Penerangan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah selaku Penasihat Bersama; Awang Haji Mahrub bin Haji Murni; dan Dr. Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong

selaku Pengerusi Bersama.

Seramai 180 orang warga Jabatan Penerangan terdiri daripada mantan-mantan Pengarah Penerangan, Pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan yang berkhidmat dan bersara juga berpindah ke kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan lain menghadiri majlis berkenaan.

Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad selaku Pengerusi Bersama dan mewakili pihak Jawatankuasa Kerja Majlis Silaturahmi Hari Raya Aidilfitri Warga Penerangan dan Mantan

Warga Penerangan dalam ucapannya menyatakan, majlis tersebut dihasratkan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahmi dalam kalangan warga Jabatan Penerangan, sama ada yang sudah bersara mahupun yang masih berkhidmat di Jabatan Penerangan.

"Semoga hubungan persaudaraan orang lama dan baharu dapat memberi kesempatan berkenal-kenalan serta akan menjadi lebih akrab dan sentiasa

terjalin dan bukan hanya hari ini, namun terjalin sehingga bila-bila dan tidak akan seperti kacang lupakan kulit," tambahnya lagi.

Majlis diteruskan dengan penyampaian cenderamata kepada lima warga Jabatan Penerangan yang bersara pada tahun 2018 yang disampaikan oleh tetamu kehormat majlis.

Persembahan Dendangan Aidilfitri, nyanyian finalis Bintang Penerangan dan nyanyian raya dari rumah-rumah, di samping cabutan angka bertuah turut memeriahkan lagi sambutan tersebut.

Inisiatif dan usaha untuk mengadakan sambutan yang penuh berkebakikan tersebut adalah bagi mengukuhkan lagi ikatan persahabatan dan setia kawan, di samping berinteraksi juga beramah mesra dengan bertukar-tukar idea dan pandangan dalam satu kelompok keluarga Penerangan yang penuh harmoni.

Majlis merupakan julung-julung kalinya diadakan bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan bersama Mantan Warga Penerangan setelah dua acara berjaya dianjurkan bersama, iaitu Majlis Reunion Warga Penerangan pada 7 Oktober 2018 dan Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada 23 Oktober 2018.

Sambutan Aidilfitri, Hari Gawai pupuk keharmonian, perpaduan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan isteri, Datin Hajah Norhayana Janis binti Abdullah Lim hadir pada Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri dan Hari Gawai anjuran Majlis Perundingan Mukim (MPM) Labi dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Labi I dan Labi II, bertempat di Dewan Rumah Kediaman Pehin Datu Paduka Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Sahri bin Ahmad. Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

LABI, Ahad, 23 Jun. - Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang mempunyai keunikan budaya dan bangsa dengan identiti masing-masing yang sentiasa hidup dalam keadaan aman, harmoni dan bersatu padu.

Semua ini jelas terbukti dengan berlangsungnya Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri dan Hari Gawai anjuran Majlis Perundingan Mukim (MPM) Labi dan Majlis Perundingan Kampung (MPK) Labi I dan Labi II, bertempat di Dewan Rumah Kediaman Pehin Datu Paduka Raja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Sahri bin Ahmad, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan isteri, Datin Hajah Norhayana Janis binti

Abdullah Lim.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Hanapi bin Mohd. Siput selaku Pemangku Penghulu Mukim Labi dalam ucapannya, antara lain berkata sambutan perayaan yang buat julung-julung kali dirai tanpa mengira latar belakang kaum dan agama itu, dapat membina kefahaman dan rasa hormat dalam kalangan masyarakat majmuk di mukim tersebut.

Tambahnya, ia adalah kunci keamanan dan keharmonian dalam sebuah kampung dan mukim yang berbilang kaum juga agama.

Perayaan tahunan seperti Aidilfitri, Tahun Baharu Cina dan Hari Gawai ujarnya, adalah perayaan yang memanfaatkan semua dari segi memupuk keharmonian, keamanan dan perpaduan.

Majlis seumpama itu juga menurutnya, memberi ruang dan peluang untuk mereka berjumpa,

ziarah menziarahi dan berbual mesra juga bermaaf-maafan di antara satu dengan yang lain.

Pelbagai jenis persembahan, termasuk tarian tradisi Puak Iban menyerikan lagi majlis tersebut.

Majlis antara lain bertujuan untuk mewujudkan satu kumpulan kerja berpasukan di peringkat kampung dengan menanam sikap bantu membantu dan bersatu hati bagi menjayakan majlis.

Selain itu, ia juga untuk memupuk semangat perpaduan dan mengeratkan hubungan dalam kalangan penduduk Mukim Labi yang berbilang kaum bagi mewujudkan interaksi sosial yang sihat untuk membangun kampung ke hadapan.

Juga hadir, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Pegawai Daerah Belait; Pengarah-pengarah; dan Ketua-ketua Jabatan di bawah KKBS; Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Daerah Belait; juga Ketua-ketua Kampung dan Rumah Panjang Mukim Labi.

Majlis Pelantikan dan Kenaikan Pangkat Timbalan Pesuruhjaya Polis

Berita : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Jun. - Majlis Pelantikan dan Kenaikan Pangkat Timbalan Pesuruhjaya Polis berlangsung di Dewan Banquet Mess Pegawai, Kompleks Ibu Pejabat Polis Diraja Brunei, Gadong.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi Penolong Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Jefri bin Pengiran Haji Abd. Hamid untuk dilantik dan dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pesuruhjaya Polis bermula hari ini, 22 Jun 2019.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali dan isteri Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman.

Pada majlis tersebut Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad Irwan telah menyempurnakan dengan menyampaikan tanda pangkat dan menyerahkan surat pelantikan kepada Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Jefri selaku Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB.

Turut hadir ialah Pegawai-pegawai Kanan PPDB, jemputan khas serta ahli keluarga Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai bersama Pesuruhjaya Polis, PPDB dan Pegawai-pegawai Kanan PPDB.



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali ketika menyematkan lencana Kenaikan Pangkat Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB kepada Penolong Pesuruhjaya Polis, Pengiran Dato Paduka Haji Mohd. Jefri bin Pengiran Haji Abd. Hamid.

Kementerian Pembangunan rai Sambutan Aidilfitri



MENTERI Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar (tiga, kiri) ketika hadir pada Sambutan Aidilfitri anjuran Kementerian Pembangunan yang berlangsung di Ruang Legar Kementerian tersebut. Juga hadir, Timbalan Menteri Pembangunan, Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin dan lain-lain pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan Kementerian tersebut dan jabatan-jabatan di bawahnya (atas dan bawah).



Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BERAKAS, Sabtu, 22 Jun. - Walaupun bulan Syawal telah memasuki minggu ketiga, namun sambutan Aidilfitri terus diadakan dengan rumah dan pejabat terbuka.

Sehubungan itu Kementerian Pembangunan turut mengadakan sambutan Aidilfitri yang berlangsung di Ruang Legar, Kementerian Pembangunan, di sini.

Majlis kelolaan Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi turut dihadiri oleh Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar.

Terdahulu majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Awang Muhd Azib bin Muhd Azim yang membacakan sebahagian dari Surah Al-Anfal bermula dari ayat 9 hingga 16 dan inti sarinya disampaikan oleh Awang Muhd Nabil Syahmi bin Norman.

Majlis turut diserikan dengan sebuah ceramah bertajuk 'Kebersihan Membawa Keamanan' dan 'Ketenteraman Suasana Hari Raya' yang

disampaikan oleh penceramah undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Ustaz Dr. Haji Ismuhadi bin Haji Abdullah.

Majlis diakhiri dengan sesi beramah mesra Menteri Pembangunan bersama para pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya yang turut diselenggarakan dengan penyampaian kepada tetamu-tetamu khas yang terdiri daripada anak-anak yatim dan warga emas mantan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pembangunan, Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin; Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak; Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Zakaria dan Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Dayang Alice Sim Sui Kau.



ANTARA pegawai dan kakitangan lelaki yang hadir memeriahkan Sambutan Aidilfitri anjuran Kementerian Pembangunan.

Muhammad Sahzeli Rizqi terima hidayah

Berita dan Foto :
Dk. Vivvy Malessa Pg. Ibrahim

KAPOK, Sabtu, 22 Jun. - Seorang lelaki berbangsa Iban memeluk agama Islam sebagai agama anutannya yang sebenar.

Majlis Pengislaman Sahzeli anak Kalman, 27, berlangsung di Kampung Kapok, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan lafaz ikrar Islam Sahzeli yang memilih nama Islamnya sebagai Muhammad Sahzeli Rizqi bin Abdul Wakil Kalman.

Majlis Pengislaman beliau disempurnakan oleh pegawai-pegawai dari Bahagian Pengembangan Dakwah (Pengislaman) Pusat Da'wah



PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali (tiga, kanan) hadir pada Majlis Pengislaman Sahzeli anak Kalman yang kini dikenali dengan nama Muhammad Sahzeli Rizqi bin Abdul Wakil Kalman.

Islamiah (PDI).

Muhammad Sahzeli Rizqi merupakan anak yang bongsu

daripada 10 adik beradik, yang mana tiga abang dan seorang kakaknya telah memeluk Islam.

Menurut catatan PDI, dari Januari hingga Mei 2019, seramai 152 orang telah memeluk agama

Islam di seluruh negara dan 68 orang daripadanya dari Daerah Brunei dan Muara.

MEMI warna-warnikan Aidilfitri



MENTERI Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien (empat, kiri) ketika hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) - MEMI dan Jabatan-jabatan di bawahnya, di Dewan Bankuet, Jabatan Perdana Menteri. Juga hadir, Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiauw (tiga, kiri).



MENTERI Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny semasa menyaksikan juadah-juadah yang disajikan oleh unit-unit di bawah MEMI dan Jabatan-jabatan di bawahnya

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto: Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Jun. - Aidilfitri terus diraikan oleh pelbagai pihak sama ada di sektor kerajaan atau swasta meskipun Syawal semakin sampai ke penghujung.

Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia - MEMI) dan Jabatan-jabatan di bawahnya juga tidak ketinggalan untuk meraikan

Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada hari ini bertempat di Dewan Bankuet, Jabatan Perdana Menteri.

Sambutan kali ini dianjurkan oleh Kementerian Sumber Manusia, Divisyen Korporat dan Divisyen Huluan Tenaga.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Tenaga (Tenaga

dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien.

Juga hadir, Timbalan Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiauw; Setiausaha Tetap (Tenaga), Awang Haji Azhar bin Haji Yahya; Setiausaha Tetap (Tenaga Manusia), Awang Haji Zolkiflee bin Haji Abdul Karim; dan Setiausaha Tetap (Industri),

Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan.

Sambutan bertemakan 'Riang Warna-warni' yang berkonsepkan gerai terbuka menampilkan lapar buah gerai yang menyediakan pelbagai jenis juadah dan hidangan dari pelbagai negara yang disediakan oleh jabatan-jabatan di bawah kementerian berkenaan.

Dalam usaha untuk membawa dan menggalakkan tindakan mengurangkan perubahan iklim, MEMI turut mengambil

inisiatif dan peluang untuk memperkenalkan cara yang mampan dengan penggunaan *biodegradable* pinggan, cawan, sudu, garpu dan plastik sampah pada acara tersebut.

Penggunaan plastik adalah sangat tidak digalakkan dan sisa makanan pula harus diasingkan untuk tujuan kitar semula.

Acara yang diadakan pada setiap tahun itu dihadiri oleh lebih 200 pegawai dan kakitangan sertajemputan kementerian berkenaan.

Aidilfitri EHBG jalin kemesraan

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

JALAN KOTA BATU, Ahad, 23 Jun. - Aidilfitri terus disemarakkan sambutannya meskipun perayaan itu sudah hendak memasuki minggu terakhir.

Dalam memeriahkan suasana perayaan itu, bekas-bekas penghuni asrama (EHBG) Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin

sekitar tahun 60 - 70an mengadakan Majlis Reunion Sambutan Hari Raya Aidilfitri berlangsung di Mangrove Paradise Resort, di sini.

Hadir di majlis tersebut, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @Haji Sabli bin Haji

Arshad dan isteri.

Acara yang turut dikendalikan bersama Kumpulan Isteri EHBG itu juga turut dihadiri kira-kira seramai 150 ahli dan isteri masing-masing.

Pengerusi Majlis, Awang Haji Wahab bin Haji Bungsu dalam alu-aluannya antara lain menyeru



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Haji Sabli bin Haji Arshad ketika hadir di Majlis Reunion Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran bekas-bekas penghuni asrama (EHBG) Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin.

kepada para ahli untuk terus mengekalkan ikatan persahabatan dan terus mempraktikkan kerjasama dalam mengendalikan sebarang acara yang diungkuhkan pada masa akan datang.

Persembahan nyanyian dan cabutan angka bertuah juga menyeronokkan majlis dengan tujuan majlis tersebut dalam merapatkan lagi ukhuwah dan kemesraan bersama.



PERSEMBAHAN nyanyian menyeronokkan suasana Sambutan Hari Raya Aidilfitri anjuran bekas-bekas penghuni asrama (EHBG) Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin.

Istiqamah selepas Ramadan



TAZKIRAH Subuh bertajuk 'Istiqamah Selepas Ramadan' pada program Masjidku Makmur, Negara Berkat telah disampaikan oleh Imam Surau Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei, A/Sgt 6472, Mohamad Yusri bin Haji Abu Bakar.

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Jun. - Istiqamah merupakan melakukan perkara-perkara yang dituntut secara berterusan dan menjauhi perkara yang dilarang.

Kini umat Islam telah berada di dalam bulan Syawal dan seperti di bulan Ramadan termasuk bulan-bulan lainnya para jemaah diseru untuk meneruskan melaksanakan ibadah dengan harapan kualiti ibadah tetap dipelihara dengan harapan memperoleh ganjaran berupa pahala dan nikmat yang telah dijanjikan oleh Allah Subhanahu

Wata'ala.

Perkara tersebut merupakan sebahagian daripada inti pati Tazkirah Subuh pada program Masjidku Makmur, Negara Berkat kelolaan bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Jabatan Perdana Menteri (JPM) tersebut telah diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin, di sini.

Pada siri kali ini tazkirah bertajuk 'Istiqamah Selepas Ramadan' disampaikan oleh Imam Surau Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei, A/Sgt 6472, Mohamad Yusri bin Haji Abu

Bakar.

Terdahulu sebelum itu Sembahyang Fardu Subuh berjemaah telah diimamkan oleh Mudim Awang Haji Imran bin Haji Salleh.

Hadir bersama-sama jemaah masjid bagi menjayakan program tersebut ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, KHEU, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri serta para pegawai daripada KHEU dan JPM.

Makmurnya masjid-masjid di negara ini, adalah antara landasan kita bagi menggandakan amal kebajikan dan meraih keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala bagi diri kita, keluarga dan juga negara.

MondeB2B kembangkan keusahawanan PKS



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli selaku Presiden Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB) (dua, kiri) menandatangani perjanjian bersama saksi, Awang Abdul Rahman Sirat selaku Secretary General (kiri) bagi pihak DPPMB bersama wakil MondeB2B, Chief Operating Officer MondeB2B, Mr. Juan Olea bersama Co-Founder Suhbe.Co, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abd. Latiff.

BERAKAS, Sabtu, 22 Jun. - Negara Brunei Darussalam telah menemui satu sistem untuk meningkatkan eksport di dalam negeri ke negara APEC iaitu melalui MondeB2B yang mengawal selia syarikat-syarikat yang berpotensi dalam pasaran e-Komersial.

MondeB2B, dengan kerjasama syarikat tempatan Suhbe.Co, menyatukan semua pengeksport, pengimport dan rakan perniagaan



SETIAUSAHA Tetap (Perindustrian), Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan ketika memberikan ucapan.

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-izzi Haji Duraman

dari seluruh dunia melalui pasaran B2B yang dijamin terlindung dengan mengesahkan setiap syarikat yang menyertai MondeB2B.

Pasaran MondeB2B tersebut bertujuan untuk mempromosikan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik dan selamat, perkembangan perniagaan antarabangsa yang dapat dilihat dan mempunyai akses pada kelebihan perdagangan global sambil bekerja rapat dengan Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana (PMKS) di negara ini untuk memperkembangkan keusahawanan PKS.

Sehubungan itu, berlangsungnya Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) MondeB2B yang berlangsung di Auditorium, Bangunan D&T, Darussalam Enterprise (DARE), di mana wakil-wakil dari persatuan dari Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Brunei (DPPMB), Young Entrepreneur Association Brunei (YEAB) dan JayaPuri Sdn. Bhd (UPS) hadir menandatangani MoU berkenaan.

Penandatanganan MoU bersama

persatuan-persatuan perniagaan itu antara lain bertujuan untuk menyalurkan manfaat untuk ahli-ahli perniagaan dengan menggalakkan dan menyokong eksport pengeluaran produk dan perkhidmatan PMKS melalui platform MondeB2B.

Pada masa yang sama, MoU Bersama JayaPuri Sdn Bhd (sebuah syarikat logistik) juga bertujuan untuk memberi manfaat pengguna MondeB2B dalam bentuk diskaun perkhidmatan logistik.

Setiausaha Tetap (Perindustrian), Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan selaku tetamu kehormat majlis dalam ucapan ringkasnya melahirkan rasa penghargaan di atas segala usaha pihak-pihak yang berkaitan melaksanakan projek berkenaan yang dapat menjana pertumbuhan dan perkembangan pembangunan dan ekonomi Negara Brunei Darussalam, selain turut menyatakan bagi pihak kerajaan akan sentiasa memberikan



SETIAUSAHA Tetap (Perindustrian), Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan hadir selaku tetamu kehormat Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) MondeB2B. Juga hadir, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, selaku APEC Business Advisory Council.

sokongan yang diperlukan bagi sama-sama menjayakan projek pasaran MondeB2B berkenaan.

Juga hadir sama, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dayang Nik Hafimi binti Abdul Haadii, selaku APEC Business Advisory Council dan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli bin Haji Arsad selaku Presiden DPPMB.

Menandatangani bersama pihak MondeB2B bagi persatuan dari DPPMB ialah Ahli MMN, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid @ Sabli selaku Presiden DPPMB bersama saksi, Awang Abdul Rahman Sirat selaku Secretary General; manakala mewakili YEAB, Presiden YEAB, Dayang Nurliyana Fatin binti Arifin bersama saksi Vice Presiden, Keawan Tan dan mewakili JayaPuri Sdn. Bhd. (UPS) ialah Ms. Pavitra Kaur bersama saksi, Mr. Baldeep Singh Bhullar.

Sementara mewakili bagi pihak MondeB2B pula ialah Chief Operating Officer MondeB2B, Mr. Juan Olea bersama Co-Founder

Suhbe.Co, Pengiran Sarimah binti Pengiran Haji Abd. Latiff.

MondeB2B turut disertai oleh Kamar Dagang dan Industri Indonesia (KADIN) yang merupakan badan pengesahan bagi syarikat-syarikat di Indonesia, selain turut disertai bersama oleh Department of Trade and Industry (DTI) dari Filipina dan Malaysian External Trade Development Corporation (MATRADE) dari Malaysia.

Pada 25 Jun ini nanti, MondeB2B akan mengadakan pra-pelancarannya di Palawan, Filipina semasa Persidangan LiveX 2019, dan pada bulan September nanti, Filipina akan mengadakan pelancaran MondeB2B untuk PKS mereka.

Dalam bulan Julai pula, MondeB2B akan membuat pengumuman di China pada Mesyuarat ABAC yang ke-3 pada tahun ini.

Pelancaran Rasmi MondeB2B pula akan diadakan di Persidangan SME APEC pada 14 November 2019 nanti.

Terajui pentadbiran negara dengan bijak

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

TUNGKU LINK, Sabtu, 22 Jun.-Seramai 28 peserta dari beberapa kementerian telah dipilih untuk menyertai Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-27 dan 32 peserta akan menyertai Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-27.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan program EDPSGO dan EDPMMO tersebut berlangsung di Lecture Theatre, The Core, Universiti Brunei Darussalam (UBD), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pembukaan tersebut ialah Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Terdahulu, Setiausaha Tetap di JPM, Awang Mohammed Riza dalam ucapannya berkata Perkhidmatan Awam perlu melangkah ke arah memberi sokongan dan dukungan kepada matlamat negara dalam mencapai Wawasan Negara 2035.

Dalam Perkhidmatan Awam yang diterajui oleh JPM jelasnya lagi telah merangka Kerja Perkhidmatan Awam (Civil

Service framework) yang bermula tahun 2016, di mana rangka kerja tersebut adalah sebahagian ke arah menjangkau Wawasan 2035.

Program EDPSGO dan EDPMMO akan diadakan selama tiga bulan di Institut Kepimpinan, Inovasi dan Kemajuan (ILIA), UBD.

Tahun ini, tema Industrial Revolution 4.0 dan Smart Nation akan diperkenalkan dan dibincangkan melalui beberapa modul serta aktiviti sepanjang kedua-dua program dijalankan.

Kehadiran Industrial revolution 4.0 menekankan pembinaan teknologi yang merangkumi pelbagai teknologi baharu seperti automasi, Internet of Things (IoT), analisis dan 'Big Data', simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik dan cloud dan tanpa banyak menggunakan tenaga manusia dan ini memberikan kesan terhadap pelbagai aspek kehidupan.

Dalam konteks Perkhidmatan Awam, hal ini memerlukan banyak perubahan yang seiring dengan transformasi digital untuk kekal relevan dan berdaya saing.

Dengan melaksanakan program-program berkenaan diharap agar dapat melahirkan pemimpin-pemimpin yang



SETIAUSAHA Tetap di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos (tiga, kanan) hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pembukaan Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO) Kali Ke-27 dan Program Pembangunan Eksekutif Pegawai-pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-27 Lecture Theatre, The Core, Universiti Brunei Darussalam (UBD).

berwawasan, kerja berpasukan, berkomunikasi dengan efektif, berfikir kritis dan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang rumit.

Manakala pendekatan pembelajaran dalam program itu ialah menekankan aspek interaksi dua hala antara tenaga pengajar dan peserta, kajian-kajian kes (case studies), pembelajaran

teradun (blended learning), pengalaman pembinaan semangat berpasukan, maklum balas 360 darjah dan belajar melalui jurulatih kepimpinan secara one-on-one serta kertas analisis dasar.

Para peserta juga diharap berkemampuan memikirkan tentang gaya kepimpinan dan membuat penyesuaian untuk menerajui pentadbiran negara

dengan bijak dalam Industri Revolution 4.0, berkemampuan mengurus dan mengurangkan risiko dalam proses pendigitalan dan transformasi serta dapat mengenal pasti peluang dalam Industrial Revolution 4.0 yang boleh diterapkan untuk negara ini dalam merealisasikan matlamat utama negara 'Wawasan Brunei 2035'.

Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad Irwan Pesuruhjaya Polis baharu



Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Jun. - Majlis Serah Terima Tugas Pesuruhjaya Polis telah diadakan di Ruang Legar, Ibu Pejabat Polis, Jalan Tungku, Gadong.

Hadir pada majlis tersebut, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam selaku tetamu kehormat majlis.

Dato Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy yang akan menamatkan kontrak perkhidmatannya telah menandatangani Surat Serah Terima Tugas Pesuruhjaya Polis kepada Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Majlis dihadiri oleh seramai kira-kira 700 orang termasuk Pegawai-pegawai Kanan; pegawai-pegawai; dan kakitangan awam serta anggota Polis Pangkat Rendah.

DATO Paduka Seri Awang Haji Mohd. Jammy bin Haji Muhd. Shah Al-Islam (kiri) yang akan menamatkan kontrak perkhidmatannya ketika menyerahkan Surat Serah Terima Tugas kepada Pesuruhjaya Polis yang baharu Dato Seri Pahlawan Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali (kanan).

Eratkan silaturahmi bersama mualaf pedalaman

Berita dan Foto : Noraisah Haji Muhammed

BELAIT, Sabtu, 22 Jun. - Bertepatan dengan tujuan majlis untuk mengeratkan silaturahmi antara para mualaf, penghuni-penghuni Rumah Panjang dan warga Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Sehubungan itu, Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri bersama mualaf merupakan acara tahunan KHEU melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) yang antara objektifnya ialah sebagai pemedulian Kementerian terhadap kebajikan mualaf khususnya yang berada di kawasan pedalaman.

Rombongan Ziarah Aidilfitri ke Kampung Melilas dan Kampung Sukang pada tahun ini diketuai oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar dan isteri. Acara dimulakan dengan kunjungan rombongan ke Rumah Panjang Julangan Titah Kampung Melilas.

Ketibaan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan rombongan telah dialu-alukan oleh Timbalan

Pengerusi Majlis Perundingan Mukim Melilas, Ulu Belait, Awang Haji Yassin bin Abdullah Sap.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan doa oleh Imam Masjid Rancangan Perumahan Negara (RPN) Pandan, Belait, Haji Nor Azhar bin Haji Harith.

Diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Pengerusi Majlis Perundingan Mukim Melilas, Ulu Belait yang antara lain melahirkan rasa gembira beliau dan penduduk Mukim Melilas kerana dapat beraya bersama.

Pada acara itu juga, KHEU melalui PDI telah menyerahkan sebuah mesin penjana kuasa kepada Dayang Jamilah binti Abdullah yang tinggal di Rumah Panjang Julangan Titah Kampung Melilas.

Rombongan kemudian meneruskan kunjungan ke Rumah Besar Sukang, di Mukim Sukang yang dialu-alukan oleh Pemangku Penghulu Mukim Sukang, Awang Haji Mohd. Noh bin Orang Kaya



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar (dua, kanan) menyerahkan sebuah mesin penjana kuasa sumbangan Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) kepada Dayang Jamilah binti Abdullah yang tinggal di Rumah Panjang Julangan Titah Kampung Melilas.

Dato Maharaja Setia Dian dan seterusnya berkesudian untuk memberikan ucapan alu-aluan yang antara lain melahirkan rasa gembira dan mengongsikan

perkembangan jumlah penduduk di mukim berkenaan yang telah memeluk agama Islam.

Terdahulu, acara di Rumah Besar Sukang dimulakan dengan

bacaan Surah Al-Fatihah dan doa oleh Imam Masjid RPN Kampung Pandan, Belait, Haji Nor Azhar bin Haji Harith.

Rombongan juga berkesempatan berkunjung ke Rumah Panjang Penan, Kampung Sukang yang dialu-alukan oleh wakil Rumah Panjang tersebut, Awang Zulkhairi bin Abdul Rahim Arin.

Rombongan juga berpeluang beramah mesra bersama para penduduk di kedua-dua kampung dan menikmati jamuan hari raya.

Turut menyertai rombongan ziarah raya, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Hardifadhillah bin Haji Mohd. Salleh dan isteri; Pengarah PDI, Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Mohd. Salleh dan isteri; Penolong Pengarah PDI, Awang Abd. Aziz bin Haji Abd. Kahar; Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Aliyani bin Haji Ismail; Pegawai-pegawai Kanan KHEU; pegawai-pegawai serta kakitangan PDI dan Unit Da'wah Daerah Belait.

Majlis telah berjalan lancar dan sempurna hasil kerjasama daripada pelbagai pihak termasuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Melalui Tentera Udara Diraja Brunei, Pos Polis Sukang dan Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait.



ROMBONGAN Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom dan isteri meneruskan kunjungan Aidilfitri dan beramah mesra ke Rumah Besar Sukang, di Mukim Sukang yang dialu-alukan oleh Pemangku Penghulu Mukim Sukang, Awang Haji Mohd. Noh bin Orang Kaya Dato Maharaja Setia Dian.



JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN

JUALAN LELONG TERTUTUP

UNIT PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA, JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN, KEMENTERIAN PENDIDIKAN

ADALAH dengan ini dimaklumkan dan diberi notis jualan lelong secara sebut harga bagi harta benda kerajaan yang telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Kewangan dibukakan kepada syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan dan yang berminat untuk membeli seperti barang-barang berikut :

LOT A

JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT
72 Unit Peralatan Komputer
TEMPAT / KEPUNYAAN
Jabatan Sekolah-Sekolah Temburong

JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT
420 Buah Buku Perpustakaan
TEMPAT / KEPUNYAAN
Sekolah Menengah PJN Hj. Abu Bakar, Belait

JENIS PERKAKAS / PERALATAN / PERABOT
4876 Buah Buku Teks
TEMPAT / KEPUNYAAN
Sekolah Rendah Bakiau, Tutong

Borang sebut harga boleh didapati seperti yang tersenarai di bawah dan pembayaran pembelian borang hendaklah dibuat di Unit Tunai Bahagian Kewangan Blok 'B', Tingkat I, Kementerian Pendidikan.

1. Unit Penghapusan Dari Kira-kira
Blok 2J6: 03-04, Tingkat 6
Kondominium Ong Sum Ping
Kementerian Pendidikan
Talian Telefon : +673 2230113
(Brunei / Muara)

2. Unit Penghapusan Dari Kira-kira
Bekas Barik Lama Sekolah Menengah
Sufri Bolkiah, Tutong, TA1341
Talian Telefon : +673 4260312

3. Unit Penghapusan Dari Kira-kira
Rumah Kediaman Brunei Shell
Simpang 24-29, Jalan Maulana
Kuala Belait, KD145
Talian Telefon : +673 3347423

4. Unit Penghapusan Dari Kira-kira
Bekas Asrama Jalan Masjid
Jabatan Sekolah-Sekolah, Temburong
Talian Telefon : +673 5222171 /
+673 5222172

SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. Borang tawaran yang sudah lengkap diisikan hendaklah dihantar pada waktu dan masa seperti yang dinyatakan di bawah ini :

Isnin hingga Khamis dan Sabtu
8.15 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 4.00 Petang

2. Borang yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar terus ke alamat yang dinyatakan di bawah ini dengan menggunakan sampul surat tertutup rapat dan ditulis dengan terang : TAWARAN LELONG SECARA SEBUT HARGA BAGI HARTA BENDA KERAJAAN KEPUNYAAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN dan hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran sebut harga seperti yang beralamat dinyatakan di bawah ini :

UNIT PENGHAPUSAN DARI KIRA-KIRA
BLOK 2J6 : 03-04, TINGKAT 6
KONDOMINIUM ONG SUM PING
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
BANDAR SERI BEGAWAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

3. Syarikat-syarikat swasta dan orang ramai yang berjaya hendaklah membuat pembayaran secara tunai dalam masa 48 jam (tidak termasuk hari kelepasan awam) setelah berjaya menerima surat makluman dan jika gagal berbuat demikian adalah dikira menarik diri dari tawaran jualan lelong tersebut.

4. Syarikat-syarikat dan orang ramai yang berjaya hendaklah memindahkan barang-barang tersebut dalam tempoh tujuh (7) hari setelah menerima surat makluman. Kegagalan berbuat demikian mengakibatkan pembelian dibatalkan dan wang yang telah dijelaskan tidak akan dikembalikan dan barang-barang tersebut akan dilelong semula atau dimusnahkan.

5. Untuk keterangan lanjut syarikat-syarikat dan orang ramai yang berminat boleh berhubung terus atau membuat pertanyaan kepada Ketua-ketua Jabatan Pengetua-pengetua, Guru-guru Besar yang berkenaan bagi mengetahui jenis-jenis barang yang ditawarkan atau Unit Penghapusan Dari Kira-kira, Kementerian Pendidikan, Talian Telefon : +673 2230113.

6. Yuran tawaran BND10.00 bagi setiap pembelian borang. (Tidak akan dikembalikan)

Tarikh Tutup Tawaran pada :
Sabtu, 29 Jun 2019, jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

JUALAN LELONG SECARA TAWARAN AWAM BAGI 450 NOS AGM BATTERIES DRYCELL KEGUNAAN LAMPU TRAFIK YANG TELAH HABIS DIGUNAKAN / ROSAK JABATAN JALAN RAYA, JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

ADALAH dengan ini diberikan notis iaitu Jualan Lelong Secara Tawaran Awam bagi 450 Nos AGM BATTERIES DRYCELL kepunyaan Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya, iaitu bekas kegunaan lampu trafik yang telah habis digunakan / rosak.

TARIKH TUTUP :
29 JUN 2019 (Sabtu), Jam 9.00 Pagi

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pemborong-pemborong, syarikat-syarikat swasta dan orang ramai.

2. Borang tawaran sebut harga, syarat-syarat dan keterangan lanjut bolehlah diperoleh di UNIT SEBUT HARGA, TINGKAT 1, BANGUNAN JABATAN JALAN RAYA, JABATAN KERJA RAYA, JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS semasa waktu bekerja.

3. Borang yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapi (*sealed*) dan hendaklah ditulis di depan sampul surat TAWARAN LELONG SECARA SEBUT HARGA BAGI 450Nos AGM BATTERIES DRYCELL tanpa menunjukkan identiti pemborong dan dimasukkan ke dalam :

PETI TAWARAN
JABATAN JALAN RAYA (TINGKAT 1)
JABATAN KERJA RAYA
JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

4. TAWARAN yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

5. Waktu dan tempat bagi melihat barang-barang lelong ialah seperti berikut :

Tarikh : 24 Jun 2019 (Isnin) hingga 29 Jun 2019 (Sabtu)

Hari : Pada hari waktu bekerja

Jam : 9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi
2.15 Petang hingga 3.30 Petang

Tempat : Simpang 7, Bangunan Stor dan Perbekalan
Jabatan Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya
Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas.

6. Untuk keterangan lebih lanjut bolehlah menghubungi pegawai dari jabatan ini di talian +673 2380345 (Dk. Siti Nur Amalina binti Pg. Mohid atau Haji Azizul Azim Musa).



KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

BILANGAN SEBUT HARGA :
KSSUP / BPK / SH / 06 / 2019 - 2020

TAJUK SEBUT HARGA :
BAGI MEMBEKALKAN PLAK
CENDERAHATI KENANGAN BAGI
PESARA-PESARA KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN DAN JABATAN-JABATAN
DI BAWAHNYA BAGI TAHUN 2018

TARIKH TUTUP MENGAMBIL
BORANG SEBUT HARGA :
8 JULAI 2019, ISNIN,
JAM 9.00 PAGI

TARIKH TAKLIMAT :
8 JULAI 2019, ISNIN,
JAM 9.30 PAGI

TARIKH TUTUP SEBUT HARGA :
11 JULAI 2019, KHAMIS,
JAM 2.00 PETANG

SYARAT-SYARAT TAWARAN SEBUT HARGA

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dihadapkan kepada alamat berikut :

Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
Kementerian Sumber-Sumber Utama
dan Pelancongan
Tingkat Bawah
Bangunan Kementerian Sumber-Sumber Utama

dan Pelancongan
Jalan Menteri Besar, BB3910
Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dalam sampul surat yang bertutup dan pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis dengan bilangan / tajuk tawaran dan tarikh tutup sahaja tanpa menunjukkan identiti syarikat pembekal.

4. Dokumen-dokumen dan borang-borang tawaran serta keterangan lanjut bolehlah diperoleh dari Unit Perhubungan Awam, Bahagian Pengurusan dan Kewangan Tingkat 4, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Jalan Menteri Besar Negara Brunei Darussalam.

5. Harga dokumen tawaran akan dikenakan sebanyak BND10.00 (tidak dikembalikan) bagi setiap tawaran pada waktu bekerja :

Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
dan
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

7. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan dan salinan kad pengenalan hendaklah disertakan bersama.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

PENDAFTARAN BAKAL-BAKAL PEGAWAI KADET LELAKI DAN WANITA PENGAMBILAN KE-19 SIRI 02 / 2019 ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

PENDAFTARAN sekarang dibukakan untuk menceburi Kerjaya Tentera sebagai bakal-bakal Pegawai Kadet Lelaki dan Wanita Pengambilan Ke-19 Siri 02 / 2019 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei mengikut syarat-syarat kelayakan dan kemasukan yang telah ditetapkan.

Pendaftaran dibukakan bermula pada :

Khamis, 20 Jun 2019
hingga
Khamis, 18 Julai 2019
(setiap Isnin, Selasa dan Khamis sahaja)

Tempat Pendaftaran :
Pejabat Pengambilan Jabatanarah Keanggotaan
B 11, Tingkat 1 & 2, Simpang 32-66
Flat Anggerak Desa
Telefon : +673 2383073 / +673 2383074 / +673 2383075

Waktu Pendaftaran :
Isnin, Selasa dan Khamis sahaja
8.30 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang hingga 4.00 Petang

Tempat letak kereta :
Kawasan letak kereta berdekatan dengan kolam renang
Anggerak Desa.

Untuk keterangan lanjut layari laman web :
<http://www.mindef.gov.bn>
(Untuk penghantaran borang melalui *website* hendaklah dihantar ke MRS Tutong Kem, MRS Lumut Kem & Bangar Kem mengikut daerah masing-masing).



KEMENTERIAN PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN NO. 1 :
MINDEF / DFA / 2019 / LB /
TA / 007

PEMBELIAN KELENGKAPAN
BEDDING UNTUK PERLAWANAN
AARM

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 - tender fee
(tidak dikembalikan)

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 16 Julai 2019.** Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh di Unit Tender, Blok 'D', Tingkat Bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison **semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat)** bermula pada **24 Jun 2019.**

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Blok 'C', Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran dan mendapatkan borang tawaran :

Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Jumaat
8.00 Pagi hingga 10.30 Pagi

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk

menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan siji pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Salinan siji pematuhan cukai yang dikeluarkan oleh pihak Pemungut Cukai Pendapatan selaras dengan Bab 52(1) Akta Cukai Pendapatan Penggal 35 bagi syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-syarikat Penggal 39 hendaklah disertakan.

h. Salinan surat pengesahan pematuhan Akta Tabung Amanah Pekerja Penggal 167 dengan menyatakan rujukan pendaftaran dan caruman bagi setiap pekerja kontrak, bergaji hari atau pekerja sementara hendaklah disertakan.

i. Salinan surat pengesahan syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39 mengenai tarikh terakhir menghantar Penyata Tahunan (Annual Returns) kepada Pendaftar Syarikat-syarikat termasuk tahun syarikat mengadakan Annual General Meeting hendaklah disertakan.

j. Pembekal yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

k. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catat tarikh tutup tawaran ini.

l. Iklan-iklan tawaran, maklumat lanjut dan syarat lainnya bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>



KEMENTERIAN PERTAHANAN

PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN NO. 1 :
MINDEF / DFA / 2019 / LB /
TA / 008

PEMOTONGAN PAKAIAN
SERAGAM TENTERA
CEREMONIAL DRESS
COMPLETE WITH TROUSER
BAGI ANGGOTA-ANGGOTA
TDDB

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 - tender fee
(tidak dikembalikan)

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

a. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 9 Julai 2019.** Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh di Unit Tender, Blok 'D', Tingkat Bawah, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison **semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat)** bermula pada **24 Jun 2019.**

b. Bayaran yuran tawaran (*tender fee*) hendaklah dibayar di Unit Kaunter, Bahagian Kewangan, Blok 'C', Tingkat 1, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

Waktu bagi menerima bayaran dan mendapatkan borang tawaran :

Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Jumaat
8.00 Pagi hingga 10.30 Pagi

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar yuran dokumen dan bayaran tawaran bagi semua tawaran seperti yang diiklankan. Yuran tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti

yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

f. Salinan siji pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

g. Salinan siji pematuhan cukai yang dikeluarkan oleh pihak Pemungut Cukai Pendapatan selaras dengan Bab 52(1) Akta Cukai Pendapatan Penggal 35 bagi syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-syarikat Penggal 39 hendaklah disertakan.

h. Salinan surat pengesahan pematuhan Akta Tabung Amanah Pekerja Penggal 167 dengan menyatakan rujukan pendaftaran dan caruman bagi setiap pekerja kontrak, bergaji hari atau pekerja sementara hendaklah disertakan.

i. Salinan surat pengesahan syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39 mengenai tarikh terakhir menghantar Penyata Tahunan (Annual Returns) kepada Pendaftar Syarikat-syarikat termasuk tahun syarikat mengadakan Annual General Meeting hendaklah disertakan.

j. Pembekal yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

k. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catat tarikh tutup tawaran ini.

l. Iklan-iklan tawaran, maklumat lanjut dan syarat lainnya bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.mindef.gov.bn>



KEMENTERIAN PERTAHANAN

TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 09 / 2019

MAINTENANCE REPAIR WORKS TO
BUILDING, CIVIL ENGINEERING,
GROUND MAINTENANCE & WASTE
MANAGEMENT WORKS FOR THE
ROYAL BRUNEI ARMED FORCES
AT BERAKAS GARRISON

BAYARAN TAWARAN :
BND30.00 (tidak dikembalikan)

DOKUMEN SCHEDULE OF RATES
(VOL. 1 & 2) : BND500.00 SATU SET
(tidak dikembalikan)

KELAS :
III & KE ATAS

KELAS II & KE ATAS
KATEGORI KA01, B01 dan / atau E01
dan E02

TEMPOH PENYIAPAN :
SATU (1) TAHUN

SYARAT-SYARAT TAWARAN :

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah

dimasukkan ke Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00 Petang, Selasa, 9 Julai 2019.**

Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperoleh dari Bangunan Arkib, Aras Bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison, BB3510, Negara Brunei Darussalam semasa hari-hari bekerja (Isnin hingga Jumaat). **Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran pada Jumaat, 5 Julai 2019 jam 10.30 Pagi.**

b. Penender adalah dikehendaki membayar Bayaran Tawaran di Bangunan Arkib aras bawah, Kementerian Pertahanan, Bolkiah Garison BS3510, Negara Brunei Darussalam. Yuran tawaran tersebut tidak akan dikembalikan kepada setiap penender sama ada yang berjaya atau tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (*bona-fide-tender*). Kadar yuran tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

Waktu bagi menerima bayaran hari-hari biasa :

Isnin hingga Khamis
8.00 Pagi hingga 12.00 Tengah Hari
2.00 Petang hingga 3.00 Petang
Jumaat
8.00 Pagi hingga 11.00 Pagi

c. Penggunaan dokumen MINDEF Standard Schedule of Rates : 2015 Edition (SOR) adalah diperlukan bagi tawaran tersebut. Walau bagaimanapun, penender yang pernah membeli dokumen tambahan (SOR) di atas melalui tawaran-tawaran yang dikeluarkan sebelumnya tidak perlu membuat pembelian semula, asalkan penender menunjukkan salinan resit pembayaran terdahulu bagi dokumen SOR. Bagi penender yang tidak pernah membeli dokumen SOR, pembelian adalah dimestikan.

d. Penender adalah bertanggungjawab bagi memastikan dokumen-dokumen berikut dikemas kini dan disahkan sebelum membuat pembelian dokumen tawaran :

i. Sijil Pendaftaran Syarikat dan Form 16 / 17 / Form X;

ii. Sijil Pendaftaran dengan Kementerian Pembangunan dikemas kini dan sah, dan menepati Kelas dan Kategori yang akan diikuti;

iii. Sijil Pengutipan Cukai Tahunan (Tax Compliance Certificate) dari Kementerian Kewangan yang terkini dan sah;

iv. Statement of Annual Returns yang

terkini dan sah;

v. Sijil Pendaftaran TAP (bagi syarikat dan pekerja tempatan) yang terkini dan sah)

e. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.

f. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan adalah dikira sebagai tawaran tidak jujur (*non-bona-fide-tender*) dan tidak akan dilayan.

g. Salinan siji pendaftaran perniagaan hendaklah disertakan bersama yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.

h. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperoleh atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.

i. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catat tarikh tutup tawaran ini sepertimana yang diiklankan.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
DAN INFOKOMUNIKASI**

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada semua kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut :

- Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas I, II, III, IV dan V) dan Sijil Pendaftaran Seksyen 16 & 17.

- Kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai Lesen Pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan dalam kategori Perkhidmatan (E & P), iaitu P05, E01 dan E03.

- Kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran mekanikal atau bengkel mestilah mempunyai Lesen Pembekal [M], iaitu M01, M02 & M03 (JKR) Kementerian Pembangunan atau Jabatan Pengangkutan Darat (JPD) Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi.

- Kontraktor dan pembekal yang menyertai tawaran binaan bangunan mestilah mempunyai lesen dalam kerja-kerja bangunan (KPB) iaitu B 01 atau KPB 11 (JKR) dan Lesen Pembina Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan / pembekal / pemborong (*sealed*), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar ke alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

Tajuk Tawaran 1:
**TERM CONTRACT FOR
THREE (3) MONTHS IN PREVENTIVE
MAINTENANCE FOR HOLD
BAGGAGE SCREENING SYSTEM,
CIVIL AVIATION DEPARTMENT,
BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT
(Kelas IV atau V)**

Bilangan tawaran :
AME / 2019-2020 / SH - 39

Tajuk Tawaran 2:
**TO SUPPLY, INSTALL AND REPAIR
WORK FOR CHILLER #2 AND #3
AT ROYAL BRUNEI CATERING
BUILDING, BRUNEI
INTERNATIONAL AIRPORT
(Kelas III atau IV)**

Bilangan tawaran :
AME / 2019-2020 / SH - 40

Tajuk Tawaran 3:
**TO REPAIR STREET AND PARKING
COMPOUND LIGHTINGS AT P1,
BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT
(Kelas IV atau V)**

Bilangan tawaran :
AME / 2019-2020 / SH - 41

Tajuk Tawaran 4:
**TERM CONTRACT FOR
MAINTENANCE OF AIRFIELD
GROUND LIGHTNING FOR MONTH
JUNE, JULY AND AUGUST 2019 AT
BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT
(Kelas III atau VI)**

Bilangan tawaran :
AME / 2019-2020 / SH - 42

Tajuk Tawaran 5:
**TERM CONTRACT FOR REPAIR
WORKS TO RUNWAY, TAXIWAY,
APRON AND ACCESS ROADS AT
BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT
(Kelas I atau II)**

Bilangan tawaran :
AME / 2019-2020 / SH - 43

Tajuk Tawaran 6:
**TO SUPPLY, DELIVERY AND
INSTALL NEW ZIGLER DUAL**

**CENTRIFUGAL FIRE PUM FOR
BG 9071 (F.6)
(Kelas I atau III)**

Bilangan tawaran :
AME / 2019-2020 / SH - 44

Tajuk Tawaran 7:
**RUBBER DEPOSIT REMOVAL TO
RUNWAY TOUCH DOWN ZONES
(Kelas I atau II)**

Bilangan tawaran :
AME / 2019-2020 / SH - 45

Tarikh iklan / mengambil :
**Bermula Rabu, 19 Jun 2019
selama dua (2) minggu**

Tarikh terakhir mengambil
dokumen tawaran :
**Selasa, 2 Julai 2019
(tidak lewat jam 2.00 Petang)**

Tarikh tutup tawaran :
**Rabu, 3 Julai 2019
(hingga jam 2.00 Petang)**

Kepada :
**Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Tingkat Bawah
Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan, BB2513
Negara Brunei Darussalam.**

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada **Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Jabatan Penerbangan Awam tidak lewat jam 2.00 Petang, Rabu, 3 Julai 2019.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Iklan tawaran bolehlah dilihat melalui laman sesawang : <http://www.civil-aviation.gov.bn>

5. Bagi tawaran yang dibukakan semula Retender, mana-mana syarikat yang pernah membeli dokumen projek hendaklah membawa bersama resit pembayaran yuran tawaran bagi Tawaran asal semasa waktu-waktu bekerja biasa bagi mendapatkan dokumen Retender untuk pertimbangan dikecualikan dari pembayaran yuran kali kedua.

6. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperoleh dokumen-dokumen dari **Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam** dengan membayar yuran dokumen sebanyak **BND10.00 (hardcopy)** - tidak dikembalikan bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut :

**Isnin hingga Khamis
8.30 Pagi hingga 11.30 Pagi
Sabtu
8.30 Pagi hingga 10.30 Pagi**

7. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

9. Sesi taklimat tawaran (*briefing*) lawatan ke tapak (*site visit*) bagi tawaran telah diadakan pada :

Pada : **29 Jun 2019 (Sabtu).**
Jam : **8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi**
atau
1.45 Petang hingga 3.30 Petang

Bertempat :
**Dewan Serbaguna
Bangunan Kejuruteraan
Dan Pemeliharaan Aset (AME)
Jabatan Penerbangan Awam
Negara Brunei Darussalam.**



**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI
BIL : 23 / 2019**

PEMBERITAHUAN

**PERMOHONAN BAGI
MENDAPATKAN PETAK GERAI
PERAYAAN SEMPENA SAMBUTAN
PERAYAAN ULANG TAHUN HARI
KEPUTERAAN KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG
DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI
DARUSSALAM YANG KE-73 TAHUN
BAGI DAERAH BELAIT**

1. ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa permohonan bagi mendapatkan petak gerai dibukakan kepada orang ramai.
2. Sehubungan dengan itu, pemohon-pemohon yang berminat bolehlah mendapatkan borang melalui syarikat yang telah dibenarkan bagi mengendalikan dan menguruskan Gerai Perayaan seperti maklumat berikut :

Tarikh Permohonan Dibuka :
**27 Jun 2019 (Khamis)
hingga 1 Julai 2019 (Isnin)**

Tarikh Akhir Mengembalikan Borang :
2 Julai 2019 (Selasa, jam 3.45 Petang)

Tempat Mengambil
dan Mengembalikan Borang :
**Kaunter Urusetia Gerai Perayaan
Aras Bawah, Bangunan Utama
Jabatan Bandar
Kuala Belait dan Seria
Jalan Mckerron, Kuala Belait KA1131
Negara Brunei Darussalam.**

3. Kategori Gerai :
**KATEGORI GERAI
A Makan dan Minum
B Jaja
- Makanan Siap Sedia /
Menggunakan Elektrik
- Menggunakan Gas Memasak
- Menyalai / Membakar
C Runcit
D Buah-buahan**

4. Waktu-waktu pembayaran :
**8.00 Pagi hingga 11.30 Pagi
1.30 Petang hingga 4.00 Petang**

PERHATIAN :

- Pemohon hendaklah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Penduduk Tetap yang bermastautin di Daerah Belait sahaja.

- Borang Penyertaan berjumlah BND2.00.

- Pendawaian elektrik yang dibekalkan hanya dikhaskan bagi kegunaan lampu sahaja.

- Permohonan TIDAK AKAN DILAYAN jika tidak memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

- Permohonan yang TIDAK LENGKAP TIDAK akan dipertimbangkan.

- Borang Permohonan yang dihadapkan selepas tarikh terakhir mengembalikan borang pada **2 Julai 2019 selepas jam 3.45 Petang TIDAK akan dilayan dan tertakluk kepada kekosongan petak.**

- Tiada keutamaan kepada Badan-badan, Persatuan-persatuan, Majlis-majlis Perundingan atau Agensi-agensi berkenaan, hendaklah mengikut proses permohonan bagi mendapatkan petak gerai perayaan sepertimana yang telah dipersyaratkan kepada orang ramai.



**JABATAN DAERAH BRUNEI MUARA
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

NOTIS JUALAN LELONG SECARA SEBUT HARGA TERTUTUP

**BAGI 10 UNIT KIPAS ENJIN (PROPELLER)
OUTBOARD / SPEEDBOARD KEPUNYAAN
JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

SUKACITA dengan ini dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Negara Brunei Darussalam membukakan Tawaran Lelong Sebut Harga bagi beberapa peralatan dan perkakas seperti yang disenaraikan di bawah ini :

**Lot : 1
Keterangan : Kipas Enjin (Propeller Outboard)
pelbagai jenama (Suzuki, Mariner dan Johnson)
Jumlah : 10 Unit
Tempat :
Unit Kenderaan Laut,
Bengkel Jabatan Daerah Brunei dan Muara,
Simpang 15, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas,
Negara Brunei Darussalam
(berhadapan dengan Kompleks Sukan JKR).**

Syarat-syarat Tawaran :

1. Borang sebut harga boleh didapati dengan harga BND10.00 sekeping bagi setiap satu (1) Lot barang yang ditawarkan. Borang boleh diperoleh di Kaunter Unit Kewangan, Bahagian Pentadbiran dan Kewangan, Tingkat 1, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jalan Lapangan Terbang Lama Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.

2. Borang yang telah lengkap diisi dan hendaklah dihantar terus ke alamat yang dinyatakan di bawah ini, dengan menggunakan sampul surat tertutup dan bertulis dengan terang.

**TAWARAN LELONG BAGI 10 UNIT KIPAS ENJIN
(PROPELLER) OUTBOARD / SPEEDBOARD KEPUNYAAN
JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA**

dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga seperti yang dinyatakan di bawah ini :

**Peti Sebut Harga
Jabatan Daerah Brunei dan Muara
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Lapangan Terbang Lama
Berakas, BB3510
Negara Brunei Darussalam.**

Tarikh Tutup Tawaran pada :
6 Julai 2019, Sabtu, jam 2.00 Petang.

Tempat dan waktu melihat Peralatan dan Perkakas yang akan dilelong : **Di Unit Kenderaan Laut, Bengkel Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam (berhadapan dengan Kompleks Sukan Jabatan Kerja Raya).**

Waktu melihat peralatan dan perkakas yang akan dilelong : **27 Jun 2019 bermula jam 9.00 Pagi hingga 11.00 Pagi dan 2.00 Petang hingga 3.00 Petang.**

Kenyataan Bersama Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Ke-13

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh :
Haji Mirazman Haji Othman**

BANGKOK, THAILAND, Ahad, 23 Jun - 1. Kami, para Pemimpin Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina telah berkumpul di Bangkok, Thailand pada 23 Jun 2019 untuk Sidang Kemuncak BIMP-EAGA Ke-13. Kami telah terlibat dalam perbincangan berhasil untuk mengesahkan aspirasi para pengasas BIMP-EAGA.

2. Seperti yang kita meraikan Ulang Tahun Ke-25 BIMP-EAGA, kami bangga dengan transformasi rantau kami, yang telah menghasilkan keuntungan yang penting. Pada 2017, kami mengalami perkembangan ekonomi yang mengagumkan, dengan KDNK BIMP-EAGA mencecah USD287.3 bilion. Pertumbuhan KDNK tahunan kami adalah 5.7%, menandakan kemajuan yang sangat positif untuk rantau kami. Jumlah perdagangan barangan melonjak sebanyak 21.5% berjumlah USD102.7 bilion. Pelancongan terus bertambah dengan jumlah ketibaan pelancong meningkat pada kadar purata 6.6%, mencapai 88.2 juta pada 2017. Rantau ini juga terus menjadi hab pelaburan yang menarik, dengan lebih daripada USD20 bilion digerakkan dari pelaburan asing dan domestik.

3. Kami mengakui kejayaan BIMP-EAGA telah dicapai melalui komitmen yang mantap, hubungan sejarah, ekonomi dan budaya yang kukuh, dan visi bersama. BIMP-EAGA diiktiraf secara meluas untuk berkhidmat sebagai tempat ujian untuk perjanjian ASEAN, dan pencapaiannya mengesahkan apa yang dapat dicapai dengan muhibah tulen, amanah dan kerjasama di kalangan negara. Apabila kita memasuki era kerjasama baharu, kita berusaha untuk membina kejayaan 25 tahun yang lalu, dan mempertimbangkan jalan ke hadapan untuk rantau ini menjadi lebih kompetitif, inklusif, mampan, dan berdaya saing ekonomi. Kami mengulangi arahan jangka panjang yang dinyatakan dalam BIMP-EAGA Vision 2025 (BEV 2025), yang kami mengesahkan pada Sidang Kemuncak sebelumnya pada tahun 2017. BEV 2025 mengenal pasti keutamaan strategik rantau untuk menangani masalah kesalinghubungan secara berkesan; menyokong pertumbuhan pertanian, pelancongan, dan sektor perkilangan dengan memanfaatkan modal semula jadi dan manusia; dan memperkukuhkan kerjasama ekonomi. Kami akan terus bekerjasama dalam melaksanakan BEV 2025, dan memastikan bahawa hasil dan manfaat pembangunan dicapai.

4. Kami menghargai usaha-usaha Menteri-menteri, Pegawai-pegawai Kanan dan semua pihak yang berkepentingan dalam menterjemahkan BEV 2025 ke dalam perancangan 69 Projek Prasarana Utama (PIP), dengan anggaran nilai USD22.7 bilion, sesuai dengan arahan kami untuk menghasilkan portfolio projek generasi kedua. Kami sangat gembira bahawa hanya dalam tempoh dua tahun pelaksanaannya, 16 dari 69 PIP (23%) telah disiapkan dengan anggaran nilai sebanyak USD1.2 bilion, 15% hampir selesai dan 62% berada dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Kami menggesa agensi-agensi nasional dan

tempatan kami untuk berusaha ke arah pelaksanaan lebih cepat dan berjaya PIP dan usaha koperasi sektor yang ditetapkan BEV 2025 untuk faedah rakyat BIMP-EAGA.

5. Kami berkomitmen untuk mengubah rangkaian pengangkutan BIMP-EAGA ke dalam koridor ekonomi. Kami sangat menyokong kerjasama berasaskan kawasan dalam mata pelajaran keutamaan di sepanjang koridor ekonomi, yang menawarkan potensi terbesar untuk menarik perdagangan, pelancongan dan pelaburan, dan akan menghasilkan manfaat sosial, alam sekitar dan ekonomi jangka panjang. Kami menggalakkan para pegawai untuk mengenal pasti keperluan dan peluang pelaburan dalam bidang ini berdasarkan *input* dari negeri dan tempatan, sektor swasta, dan masyarakat setempat untuk memastikan kesan maksimum.

6. Kami menyedari bahawa infrastruktur yang berkualiti, lancar, pelbagai modal adalah penting untuk memudahkan perdagangan, pergerakan orang, dan penyediaan perkhidmatan asas. Kami sangat gembira dengan peningkatan dan pengembangan rangkaian pengangkutan pelbagai modal di rantau kami. Jalan-jalan telah dibina dan ditingkatkan termasuk Pontianak ke Entikong Link, Tanjung Selor ke Jalan Sempadan Sabah, Jalan Entik Balai Karangan, dan Balikpapan ke Jalan Tol Samarinda, menyediakan akses kepada pasaran dan perkhidmatan bagi penduduk di kawasan luar bandar. Pembangunan dan menaik taraf Pelabuhan Makassar dan Port Buliluyan telah menyumbang kepada peningkatan hubungan maritim. Penaiktarafan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei dan penyiapan Lapangan Terbang Puerto Princessa dan Terminal Pengangkutan Antarabangsa Entikong, telah meningkatkan akses ke destinasi pelancongan dan meningkatkan pergerakan kargo. Perkhidmatan udara baharu termasuk Pontianak-Kuching, Bandar Seri Begawan-Kuching, Kota Kinabalu-Bandar Seri Begawan, dan laluan Tawau-Tarakan dijangka dapat meningkatkan kedatangan pelancong utama. Terdapat banyak cadangan yang dibincangkan untuk menubuhkan laluan udara baharu.

7. Kami yakin bahawa hubungan perdagangan tradisional, yang terus berkembang dan berfungsi sebagai pemacu utama kerjasama kami, adalah penting dalam mempromosikan mata pencarian dan pertukaran komersial di rantau kami. Kami mengalu-alukan usaha berterusan untuk mengukuhkan perdagangan *barter* tradisional sedia ada di *subregion* BIMP-EAGA. Memeterai Memorandum Persefahaman ASEAN tentang Peningkatan Piawaian Keselamatan dan Pemeriksaan untuk Kapal-kapal Bukan Konvensyen di dalam Negara Anggota ASEAN, serta penggunaan Garis Panduan untuk Standard Keselamatan untuk Kapal-kapal Bukan Konvensyen pada 9 November 2018 akan memudahkan dan mempromosikan - Menghubungkan keselamatan maritim, memperluas perdagangan maritim, dan meningkatkan kelestarian perdagangan *barter*.

8. Kami juga telah membuat pencapaian penting dalam bidang

perhubungan fizikal yang lain. Dalam sektor tenaga, kami mengukuhkan kapasiti penjanaan kuasa dan kapasiti penghantaran, dipandu oleh pelbagai kajian kebolehlaksanaan, yang menjadi asas penting untuk pertukaran elektrik rentas sempadan. Projek kesalinghubungan Kalimantan-Barat, yang memberi manfaat kepada 8,000 isi rumah, telah memperkukuh hubungan jangka panjang di antara negeri-negeri Borneo dan membuka jalan ke arah mewujudkan Grid Kuasa ASEAN. Kami memperluas kerjasama dalam tenaga boleh diperbaharui, yang boleh memanfaatkan kawasan liputan yang tertinggal. Dalam sektor ICT, mereka menambah infrastruktur perkakasan, dan berada di peringkat awal untuk menyiapkan Sistem Kabel Kapal Selam dan Terrestrial BIMP-EAGA yang dikendalikan oleh sektor swasta. Kami merebut peluang untuk transformasi digital dengan menggalakkan inovasi, keusahawanan, dan merapatkan pembahagian digital dengan inisiatif yang diketuai oleh Forum CEO ICT. Kami mengalu-alukan inisiatif untuk mewujudkan platform e-dagang untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (MSME) untuk mengambil kesempatan mengurangkan kos urus niaga dan memperluaskan pasaran.

9. Kami memuji pelaksanaan aktiviti perdagangan dan promosi di dalam dan di luar rantau, yang memperluas peluang untuk perkembangan pasaran dan pembangunan perniagaan MSME. Kami gembira dengan usaha yang berterusan untuk menaik taraf kemudahan merentasi sempadan dan menyelaraskan peraturan, peraturan dan prosedur yang menyumbang kepada kemudahan menjalankan perniagaan, dan pergerakan orang dan barang di BIMP-EAGA. Kesemua usaha ini telah membawa kepada persekitaran pelaburan yang lebih baik dan kondusif yang membantu pertumbuhan MSME.

10. Kami terus merebut peluang untuk memanfaatkan kelebihan daya saing *subregion*, pertanian / agribisnis dan perikanan, dalam usahanya untuk menjadikan BIMP-EAGA sebagai bakul makanan ASEAN, dan seluruh dunia. Untuk mencapai matlamat ini, kami mengalu-alukan usaha oleh pihak swasta dan pihak berkepentingan tempatan untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran *subregion* dengan menjalankan projek bersama untuk menyatukan pengeluaran produk agri-perikanan. Kami menggesa agensi pertanian dan perikanan kami untuk menyokong peningkatan produktiviti di kalangan petani pekebun kecil untuk mencapai agroindustri dan perikanan yang berdaya tahan, berdaya saing dan iklim yang berdaya tahan, dan mengintegrasikan pendekatan rantau nilai rantau dalam komoditi keutamaan. Kami gembira dengan penyiapan Kelompok Industri Minyak Sawit di Lahad Datu, yang akan meningkatkan aktiviti minyak sawit hiliran.

11. Kami tetap komited untuk bersama-sama membangun dan memasarkan BIMP-EAGA sebagai destinasi ekopelancongan tunggal. Pelancongan adalah pencipta pekerjaan utama di BIMP-EAGA, dan membawa manfaat besar kepada masyarakat setempat. Kami digalakkan dengan pembangunan destinasi ekopelancongan berasaskan

komuniti, tapak Warisan Dunia UNESCO, dan taman negara, yang menggalakkan mata pencarian dan meningkatkan pendapatan golongan miskin. Kami tugaskan semua agensi yang bersangkutan untuk menyokong pendekatan yang diselaraskan untuk pembangunan pelancongan, dan untuk mempromosikan pro-miskin dan pelancongan mesra alam. Kami juga mengalu-alukan inisiatif penumpuan di antara industri pelancongan dan industri pengangkutan, yang membantu memastikan pertumbuhan dan kemampanan perkhidmatan udara intra-EAGA.

12. Kami menyedari keperluan untuk menangani cabaran urbanisasi dan menggalakkan pembangunan mampan di rantau ini. Penyiapan Pelan Tindakan Bandar Hijau (GCAP) untuk bandar-bandar di Kendari dan Kota Kinabalu mengukuhkan komitmen kami kepada Inisiatif Bandar Hijau (GCI). Kami mengalu-alukan pelaksanaan projek-projek hijau keutamaan yang dikenal pasti dalam GCAPs. Kami menggesa agensi-agensi berkaitan kami di peringkat kebangsaan dan tempatan untuk secara aktif mengambil bahagian dalam GCI. Kami mengalu-alukan pelancaran Kajian Kes mengenai Ekopelancongan, Pertanian, dan Perikanan Mampan di BIMP-EAGA untuk mengukuhkan lagi usaha untuk perlindungan alam sekitar, dan berharap amalan terbaik akan disebarkan dan diguna pakai sebagai projek kerjasama dalam kelompok pertanian, pelancongan dan persekitaran. Kami juga menggalakkan kerjasama pelbagai sektor untuk mempromosikan ekonomi hijau di rantau kami.

13. Kami mengiktiraf kepelbagaian budaya BIMP-EAGA, warisan yang kaya, dan pertalian yang kuat di kalangan rakyat dan masyarakatnya. Kami memuji organisasi pesta kebudayaan dan permainan persahabatan, dan pengeluaaran bahan pendidikan, yang membantu memperdalam nilai bersama kami terhadap satu komuniti. Kami mengesahkan bahawa pembangunan sumber manusia (HRD) adalah teras agenda kami. Memandangkan tenaga buruh yang besar di *subregion*, kami mengalu-alukan perkongsian di antara dan di antara Institusi Pengajian Tinggi, Institut Pendidikan dan Latihan Vokasional Teknikal (TVET), dan industri, yang bertujuan meningkatkan kemahiran dan menggalakkan pertukaran. Kami mengalu-alukan pelaksanaan inisiatif HRD dalam kalangan pelajar, fakulti, dan pertukaran profesional, kemasukan industri dan latihan, dan perkongsian amalan terbaik.

14. Kami mengulangi bahawa manfaat kerjasama BIMP-EAGA hanya boleh dimaksimumkan dan menjadi mampan jika pengaturan institusi yang dinamik disediakan. Kami mengalu-alukan penglibatan sektor swasta yang aktif yang ditunjukkan oleh Majlis Perniagaan BIMP-EAGA (BEBEC) dan entiti sektor swasta yang lain dalam mempromosikan perdagangan, pelaburan, pelancongan, dan lain-lain bidang pembangunan sosioekonomi. Kami menggalakkan BEBEC meningkatkan keahliannya dengan memasukkan MSME dan wakil industri lain. Kami akan menggalakkan penyertaan yang lebih besar oleh kerajaan negeri dan tempatan dalam kerjasama berasaskan kawasan BIMP-EAGA melalui pemulihan Forum

Kerajaan Tempatan. Kami mengiktiraf peranan penting Pusat Pemudahcara BIMP dalam memenuhi peranan penyelarasan *subregionalnya*, dan menegaskan semula komitmen kami untuk memperkukuhkan kapasitinya.

15. Kami mengiktiraf ADB kerana menjadi penasihat pembangunan wilayah BIMP-EAGA. Kami mengambil maklum sokongan ADB untuk pembangunan ekonomi dan keterangkuman dalam rantau melalui pelbagai pembiayaan projek, bantuan teknikal dan sokongan pengetahuan dalam pengangkutan, tenaga, pelancongan, persekitaran, fasilitasi perdagangan, koridor ekonomi, bandar hijau dan pembangunan kawasan sempadan. mengucapkan terima kasih kepada ADB atas sokongannya dalam membina kapasiti pegawai kerajaan, meningkatkan sistem pengurusan projek, dan memperkukuhkan hubungan dengan ASEAN. Kami meminta ADB untuk terus mengembangkan sokongannya untuk kerjasama BIMP-EAGA.

16. Kami menghargai kerjasama Sekretariat ASEAN dalam menyelaraskan keutamaan BIMP-EAGA dengan Komuniti Ekonomi ASEAN 2025. Kami menggesa Sekretariat ASEAN untuk memperdalam kerjasama dengan dan sokongan kepada *subregion*. BIMP-EAGA akan meneruskan peranan proaktifnya sebagai blok bangunan bagi integrasi ASEAN dengan pengoperasian rangka kerja dan inisiatif ASEAN.

17. Kami mengalu-alukan BIMP-EAGA dan Menteri-menteri China untuk mengadakan mesyuarat sulung yang berjaya, yang bersetuju dengan sembilan bidang kerjasama utama, iaitu perhubungan; pertanian; pemrosesan perikanan dan industri makanan; pelancongan dan pertukaran sosio-budaya; perdagangan dan pelaburan; ekonomi digital; pembasmian kemiskinan dan pembangunan inklusif; HRD; persekitaran; dan kuasa dan tenaga. Kami dengan sukacitanya memaklumkan bahawa pegawai BIMP-EAGA dan China sedang memuktamadkan Pelan Tindakan untuk BIMP-EAGA dan Kerjasama China untuk dimuktamadkan dalam Mesyuarat Kedua Menteri-Menteri BIMP-EAGA dan China pada November 2019.

18. Kami juga perhatikan perkembangan hubungan BIMP-EAGA dengan Northern Territory of Australia (NT). Kami mengalu-alukan lebih banyak aktiviti kolaborasi dalam pelancongan pelayaran, perkongsian amalan terbaik mengenai pengurusan tapak warisan yang mampan, pembangunan industri lembu, peningkatan kemahiran di kalangan tenaga kerja, dan program sukan dan kebudayaan rantau, di bawah Pelan Tindakan BIMP-EAGA dan NT.

19. Kami mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Thailand atas keramahan yang diberikan sebagai tuan rumah dan kepada Kerajaan Brunei Darussalam untuk persidangan yang cemerlang. Melangkah ke depan dan membina kemajuan besar yang dilaksanakan sepanjang 25 tahun lalu di antara Negara Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia dan Filipina, kami komited memperkukuhkan hubungan untuk kemakmuran bersama dan untuk mencapai masyarakat penyayang dan berkongsi sama.

PEKERTI adakan Majlis Penghargaan



YANG Di-Pertua PEKERTI, Datin Hajah Kamariah binti Haji Abd. Hamid (kiri) yang diraikan menerima cenderahati pada majlis berkenaan.



SESI bergambar ramai Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) pada Majlis Penghargaan untuk Yang Di-Pertua PEKERTI, Datin Hajah Kamariah binti Haji Abd. Hamid, di Dewan Bankuet, Mess Pegawai Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

GADONG, Sabtu, 22 Jun. - Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan Majlis Penghargaan untuk Yang Di-Pertua PEKERTI, Datin Hajah Kamariah binti Haji Abd. Hamid di

Dewan Bankuet, Mess Pegawai Ibu Pejabat Polis Gadong, kelmarin.

Majlis juga diselenggarakan dengan Sambutan Hari Raya anjuran Ahli Jawatankuasa Tertinggi PEKERTI, Datin Hajah Dayang Norayati binti Pehin Orang Kaya Shahbandar

Dato Seri Setia Haji Awang Mohd. Nawawi selaku Pengerusi Sosial dan Dayang Suriani binti Haji Mohd. Said selaku Timbalan Pengerusi Sosial.

Majlis dihadiri oleh Ahli PEKERTI seramai 250 orang.

Turut hadir, Pengiran Datin Hajah Zauyah binti Pengiran Haji Sulaiman selaku Pengerusi PEKERTI.

Dalam ucapan Yang

Di-Pertua PEKERTI menyentuh mengenai PEKERTI menjadi satu badan yang mantap dalam kewujudannya, kesepaduannya, kekeluargaannya dan dinamik.

Bagi memantapkan lagi kesepaduan dan kekeluargaan tersebut, perlu menanamkan semangat kesepaduan atau *teamwork* dalam kalangan Pengerusi-pengerusi Badan;

Cawangan; dan Ahli-ahli PEKERTI, agar ia dapat menimbulkan suasana yang kondusif dan selesa dalam kita menjalankan tugas yang diamanahkan dan juga dapat menjaga nama baik PEKERTI dan pasukan.

Majlis kemudiannya dimeriahkan dengan persembahan nyanyian daripada Ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Ahli-ahli PEKERTI.

Warga SMNLP hadiri Program Taklimat Kenegaraan



TAKLIMAT Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Penerangan, melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan dari Unit Kenegaraan, Mohammad Nurakram bin Noraini @ Bahrin yang menyentuh mengenai Raja Kita, Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan Sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci, dihadiri oleh pelajar Tahun 7 hingga 11 Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri (SMNLP), Jangsak (kiri dan kanan).

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Jun. - Seramai 60 pelajar Tahun 7 hingga 11 Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri (SMNLP), Jangsak menghadiri Program Taklimat Kenegaraan Raja Kita, Menghayati Bendera dan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam anjuran Jabatan Penerangan, melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan.

Program yang diadakan di Perpustakaan Tingkat 1 sekolah berkenaan antara lain bertujuan untuk mengukuhkan semangat solidariti, patriotik dan kenegaraan yang tinggi dalam diri penuntut melalui cintakan Raja, Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan.

Program tersebut adalah salah satu usaha berterusan Jabatan Penerangan dalam menyemai cinta terhadap raja, agama, bangsa dan negara.

Pengisian program termasuklah Taklimat Kenegaraan yang

disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan dari Unit Kenegaraan, Mohammad Nurakram bin Noraini @ Bahrin yang menyentuh mengenai Raja Kita, Tatacara Menaik-kibarkan Bendera Negara dan Sejarah Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam 'Allah Peliharakan Sultan' dengan terperinci.

Para pelajar serta tenaga sekolah berkenaan turut menyaksikan klip video 'Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara', 'Semarak Pengibaran Bendera Negara' dan Video Animasi 'Tatacara Menaikkan Bendera Negara'.

Selain itu para penuntut juga berpeluang menyertai Kuiz Kenegaraan yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan.

Taklimat diakhiri dengan penyampaian hadiah oleh Timbalan Pengetua kepada para penuntut yang berjaya menjawab Kuiz Kenegaraan.



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Awasi Penggunaan Gadget Anak-anak'. Tarikh Tutup : 19 Jun 2019
2. 'Langkah Membanteras Gejala Merokok'. Tarikh Tutup : 26 Jun 2019
3. 'Belia Proaktif Membangunkan Masyarakat Dinamik'. Tarikh Tutup : 3 Julai 2019

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :

pelita.brunei@information.gov.bn

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU



فتیغن فرقادوان دان کصبران دالم مغهادی سبارغ اوجین دان دوکان

بر تقوی له کیت کفد الله سبحانه وتعالی دغن سبر-بتر تقوی. مسغکوهن اورغ یغ قالیغ ملیا دسیسی الله سبحانه وتعالی ایاله اورغ یغ قالیغ بر تقوی. مدهمدهان کیت منجادی انسان یغ سنتیاس مغایغی الله سبحانه وتعالی دان ملقسانکن سکل سوروهنن دان منیغکلکن سکل لارغین. مدهمدهان کیت بر اوله کجیان دان کسلامن دنیا دان داخیره. قرمان الله سبحانه وتعالی دالم سورة العنکبوت آیه ۲-۳:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَحْسِبَ النَّاسَ أَنْ يَمُرُّوا أَنْ يَقُولُوا ءَامَنَّا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ﴿۲﴾

وَلَقَدْ فَتَنَّا الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا

وَلَيَعْلَمَنَّ الْكَاذِبِينَ ﴿۳﴾ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

تفسیر:

اداکه مانسی ایت میثکا بهوا مریک اکن دیارکن دغن (هان) برکات: کامی تله برلمان، سدغ مریک تیدق داوجی. دان دمی مسغکوهن کامی تله مغاوجی اورغ ۲ یغ سبلوم مریک، مک مسغکوهن الله مغتهوی اورغ ۲ یغ بتر برلمان دان مسغکوهن دی مغتهوی اورغ ۲ یغ بردوستا.

مسغکوهن مانسی ایت تیدق اکن ترلقس دری متریا سبارغ اوجین دان دوکان، فربیدانن هایلله ترلقن قد بسر اتو کجیلن، برت اتو ریغنن اوجین دان دوکان یغ دانغ منیقا ایت. سباکی اومه اسلام، کیت هندقله سنتیاس مغهادی اتو منمقوهی اوجین دان دوکان ترسبوت دغن کتابین، کنش دان یغ قالیغ اوتام ایاله مغهادین دغن فنوه کصبران. بارو ۲۰ این، برسمنا هاری رای عبدالقظری باکی تاهون ۱۴۴۰ھ/۲۰۱۹م، کباوه دولی یغ مها ملیا فادک سری بکندا سلطان حاج حسن البلقیة معزالدين والدولة ابن المرحوم سلطان حاج عمر علی سیف الدین سعد الخیر والدین سلطان دان یغ دقروتوان نکارا برونی دارالسلام تله مغورتیاکن تیت، انتاران سقرت بریایوت:

"الله سنتیاس مغاوجی کیت، باکی توجوان اتوق ملیهت، سجاوه مانکه کمقوان کیت برصبر، سباکیما الله برفرمان دالم سورة البقرة، آیه ۱۵۵، تفسیر: "دمی مسغکوهن، کامی (الله) اکن مغاوجی کامو دغن فرسان تاکوت (ترهادف موسوه) دان (دغن) کلانفران، دان (دغن) برلاکون (ککوراغن هرتا دان جیوا سرت حاصل تانغن، دان (مک) برله بریتا کمبیرا کفد اورغ ۲ یغ صبر.

آیه ابن منوروت علماء توروت مروجوع کفد سکل فکرچان ۲ بسر یغ دتوتوت کیت ملاکوکنن، سقرت منکفکن اکام الله دان اوندغ-اوندغن، سوا ایت مملوکن کصبران.

اداله منجادی لومره دنیا، سیایف یغ کجیل دما مانیسی، اکن موده ساج منجادی مقسا بولی. این، تله دان سدغ برلاکو دمان-مان ساج. جک فرکارا این توروت برلاکو کاتس کیت، مک سبلوقن کیت مقمیل سیکف صبر، سمیل کونسیسن ممکغ قوا "تالی الله" اتو اکامن دان مغایلقن فرجهن سسام کیت، سباکیما الله مفکسا دالم سورة آل عمران، آیه ۱۰۳، تفسیر: دان برکفغ تکوهله کامو کفد تالی الله (اکام اسلام) دان جاغلله کامو برقجه بله.

بیه ۱۰ د می مرصون یست دمرودن بیه، حیث یست معصمی صبی اوجین. لاکي بسر اتو برت اوجین، لاکي برقمیه فتیغ فرقدوان ایت. دغن فرقدوان، سکل کفتیغن اکن ترقلیهاره، دان ییتیغ کیت جوک اکن برقمیه کوکوه، اتوق منولق سکل بتوق فتنه اتو فروبوکسی یغ دانغ دری مان ساج. دمکن بکندا بریتنه.

مسلمین یغ درحمی الله،

تیته ترسبوت منکنکن تننغ فتیغن فرقدوان، فرقدوان اومه اداله مسوات یغ ساعه دتکنکن دان دتیتقیرتکن دالم اکام اسلام. مسغکوهن الله سبحانه وتعالی مریتهکن اومه اسلام سقای برساتو فادو اتس جالن یغ بتر دان ملاغ مریک درقد برقجه بله. رسول الله ﷺ جوک مغایلقن اتوق سنتیاس برکفغ تکوه قد تالی الله دان ملاغ اومتن دری برقجه بله والوقون دتیمقا دغن اوجین اتو دوکان یغ برت. درقد ابو هریره رضی الله عنه، رسول الله ﷺ برسیدا:

إِنَّ اللَّهَ يُرِضِي لَكُمْ ثَلَاثًا، وَيَكْزُرُ لَكُمْ ثَلَاثًا، فَيَرْضَى لَكُمْ: أَنْ تَعْبُدُوهُ، وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا، وَأَنْ تَقْضُوا حَقَّ كُلِّ مَنْ حَقَّ عَلَيْهِ مِنْهُ، وَيَكْزُرُ لَكُمْ: قِيلٌ وَقَالَ، وَكَثْرَةُ السُّؤَالِ، وَإِضَاعَةُ أَمْوَالٍ.

{رواه الإمام مسلم}

مقصود:

مسغکوهن الله مریضای کامو دالم تیک فرکارا دان مینجی کامو دالم تیک فرکارا. دی مریضای کامو جک کامو برعباده کفدان دان تیدق میکووتکن دغن مسوات اف فون، برکفغ تکوه قد تالی الله دان تیدق برجری-برای. دان دی مینجی کامو دالم تیک فرکارا، یلایت دکاکن دان اورغ ایت برکات، باقی برتان دان مېواغ-بواغ هرتا.

مسلمین یغ درحمی الله،

اومه اسلام یغ برساتو فادو عبارت ساتو باغون، سباکین مغواتکن سباکین یغ لاین. مریک سالیغ برتولوغ-تولوغن دان بتو-میتو ترماسوقله دالم ممیسغ، مجاغر دان مبري فتوبوق اتوق ملاکوکن کبابکن، کجیقن دان منولق کمکنران.

کبهوله، دغن فرقادوان اکن ممیتوق ساتو قرناهنن اتو ییتنغ یغ ساعه قوا دان کوکوه دان سوکر اتوق دقجه بلاهکن دالم مغهادی دان منولق سکل بتوق فتنه، توهمنن اتو کات ۲ یغ بوله ممیغکیکن کمارهن یغ دانغ دری سیتف فتحورو دان آره. درقد ابو موسی عبد الله بن قیس الأشعري، رسول الله ﷺ برسیدا:

إِنَّ الْمُؤْمِنَ لِلْمُؤْمِنِ كَالْبُنْيَانِ يَشُدُّ بَعْضُهُ بَعْضًا وَشَبَّكَ بَيْنَ أَصَابِعِهِ

{رواه الإمام البخاري}

مقصود:

مسغکوهن سبورغ مؤمن ایت دغن سبورغ مؤمن یغ لاین سقرت ساتو باغون، سباکین مغواتکن سباکین یغ لاین. بکندا تروس میوسوقن انتارا جاری-جارین.

ایغلله، بهوا اومه یغ برقجه بله دان تیاد فرقدوان سسام مریک اکن میبکن دان منجادیکن مریک اومه یغ له دان رافوه. جوتوه یغ بوله دجادیکن اعتبار اداله ترلالو باقی. کیت لیته ساج نکارا ۲ یغ مقویای رعیة دان قندودوق یغ تیدق برساتو فادو، سوک برقجه بله، نکاران تیدق امان، تیدق تنزام دان تیدق هرمونی، مریک مغهادی قلیاکی مسئله یغ هان مروکیکن دری سندیری، مشارکه، بغسا دان نکارا.

مسلمین یغ درحمی الله،

منکفکن دان مندولکن اکام الله دان اوندغ-اوندغن ایت مملوکن کفد کصبران. جوتوهی دان ایکوتیله جحق لغکه رسول الله ﷺ دان قارا صحابه بکندا یغ سنتیاس صبر، تابه دان تیدق قرنه مقل آرئی لاله دان فوتوس آسا دالم برجواغ باکی ممرتاھنکن، منکفکن دان مندولکن کسوجن اکام دان شعار اسلام.

مسغکوهن مغیاسی قریادی دغن صفة صبر اداله اخلاق اورغ یغ ملیا. مریک برصبر دالم مغهادی اوجین، دوکان، کسوسهن دان کفایهن هیدوف دغن هاتی یغ تنغ، لافغ دان تیدق موده میره کاله. ایغلله، اوجین دان دوکان ایت اداله ساتو فطره دالم کهدیوقن کران دغن اوجین له اکن منجادیکن دری کیت لیه دیواس، لیه تابه، لیه صبر دان لیه مغل اکن کاکوغن، کسبران دان ککواسان الله سبحانه وتعالی.

الله سبحانه وتعالی تیدق اکن منیماکن مسوات اوجین دان دوکان ایت دلوار کمقوان همبا-همبان. اوله ایت، کادغکلا کیت داوجی دغن قلیاکی اوجین دان دوکان سباد بریتوق کسغن ماهوقون کسوسهن، ککیان اتو کمسکین. بکیتو جوک اد کلان کیت داوجی دغن مسئله دان تکن هیدوف دری مشارکه یغ اد دسکلیلیغ کیت سقرت تکن سوسبال، تکن ایموسی، تکن ایکونومی دان ساومقمان.

اوله یغ دمکن، کیت واجب برصبر جک دتیمقا دغن اوجین دان دوکان ترسبوت. جاغلله کیت برسغا بوروق ترهادف الله سبحانه وتعالی. اف یغ اوما ایاله، کیت برأوسها اتوق مغهادی اوجین ترسبوت دغن منجاری جالن فیلسین ترهادف مسئله یغ دهادی ایت. دسمقیغ بردعاء، برتوکل دان لیه مندکنن دری کفد الله سبحانه وتعالی.

سباکی رعیة دان قندودوق یغ برناوغ دیومی دارالسلام یغ برتواه این، کیت مسئله سنتیاس برساتو فادو دان برساتو هاتی سقای کیت مقویای یاریسن اتو ییتنغ یغ قوا دان کوکوه دالم مغهادی سبارغ اوجین دان دوکان. لیتهلله سیتف اوجین دان دوکان ایت دغن سغکان یغ بایک کران الله سبحانه وتعالی مبري جامینن بهوا بالسن باکی هاتی یغ صبر ایت اداله شرک داخیره کلن. مدهمدهان دغن یغ دمکن، راج کیت، رعیة دان قندودوق دنکارا این اکن سنتیاس براد ددام رحمة، فرلیندوغن دان مغفزة الله سبحانه وتعالی سرت ترهیندر دری سبارغ مارا بهیا، بلاه بنجان، مصیة دان مالا فثاک. آمین یا رب العالمین.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

جَنَّتُ عَدْنٍ يَدْخُلُونَهَا وَمَنْ صَلَحَ مِنْ آبَائِهِمْ وَأَزْوَاجِهِمْ وَذُرِّيَّاتِهِمْ

وَالْمَلَائِكَةُ يَدْخُلُونَ عَلَيْهِمْ مِنْ كُلِّ بَابٍ ﴿۲۳﴾ سَلَّمَ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ فَاِعْبَثُوا

عُقَى الدَّارِ ﴿۲۴﴾ صَدَقَ اللَّهُ الْعَظِيمُ

{سورة الرعد آیه ۲۳-۲۴}

تفسیر:

(یلایت) شرک ۲ عدن، مریک ماسوق کدالمن برسام-سام اورغ ۲ یغ مفرچانک عملان صالح درقد باف ۲ (دان داتوق نینق) مریک دان اوسری ۲ مریک سرت ذریة کورونن مریک، سداغ ملائکه ۲ اکن ماسوق کمفت-مفت مریک دری سوا فیتو. (سمیل مغاوجفکن): "سلام کاتس کامو دسبکن کصبران کامو". مک ایتله سباکی-بایک ممفت کسودهن داخیره.

بَارَكَ اللَّهُ لَنَا فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَقَّعَنَا بِالْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنَّا تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، وَأَسْتَغْفِرُكَ اللَّهُ الْعَظِيمُ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فُوزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَبِإِنجَاةِ التَّائِبِينَ.

IMBASAN MINGGUAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 20 Jun. - Setiap Bahagian di Pusat Da'wah Islamiah mempersembahkan pelbagai juadah, pakaian dan hiasan dari negara-negara yang terpilih bagi memeriahkan Sambutan Aidilfitri tahun ini. - Foto : Dk. Vivv Malessa Pg. Ibrahim.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 19 Jun. - Berkongsi kegembiraan bersama teman ketika mendengarkan Jerayawara Kenali ASEAN yang diadakan di Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM), Mentiri. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



LAMBAK, Jumaat, 21 Jun. - Asyik menonton... antara anak istimewa anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang diraikan pada Sambutan Hari Raya Aidilfitri sempena Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Yang Ke-58 di Cawangan Pandu Lalu McDonald's, Kampung Lambak. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Jun. - Salah seorang daripada 20 orang peserta yang terdiri daripada penulis khat tanah air peringkat pertengahan dengan hasil tulisan khat jawi beliau ketika menyertai Bengkel Seni Khat Jawi yang diungkayahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Unit Pengembangan Bahasa. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Jun. - Penuh semangat dan keyakinan!... para atlet karate yang bakal berentap pada Kejohanan Piala Yura Dupa Khoadadad ketika mengabadikan gambar bersama semasa ditemui pada sesi latihan di Kompleks Sukan Tutong. - Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman.

LENSA Pelajar

Sekolah Menengah
Yayasan Sultan Haji
Hassanal Bolkiah

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Noorhafizah Haji Alias

Giat menggerak usahawan muda

NEGARA sememangnya memerlukan generasi yang bekarih agar mereka mandiri serta tidak bergantung dengan kerajaan.

Menceburkan diri dalam bidang keusahawanan antara yang paling digalakkan terhadap para belia kerana usahawan adalah penggerak ekonomi dalam masyarakat setiap negara. Keusahawanan boleh membantu belia untuk membangunkan kemahiran, pengalamanan baharu dan menggalakkan inovasi berdaya tahan.

Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pihak tertentu untuk melatih dan memberi kemahiran generasi kini dalam keusahawanan dan tidak terkecuali pihak sekolah melalui kelab yang disertai pelajar.

Kelab Perniagaan dan Keusahawanan dari Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah mengisi ruangan Lensa Pelajar kali ini.

Mula ditubuhkan pada tahun 2012, kelab ini pada mulanya dinamakan sebagai Kelab Perniagaan dan pada tahun 2016, nama kelab ini ditukar menjadi Kelab Perniagaan dan Usahawan.

Seramai 20 pelajar mengikuti kelab ini, iaitu 11 pelajar dari peringkat menengah rendah dan sembilan pelajar dari menengah atas.

Kelab ini dibimbing oleh beberapa orang guru, iaitu Dayang Noorhafizah Haji Alias, Dayang Syazwani Ismail dan Dayang Nurafiqah Haji Sahminan. Peranan guru-guru ini bukan sahaja membimbing pelajar dalam perniagaan, tetapi juga memberi nasihat kepada pelajar dalam membuat iklan serta keperluan menghias meja untuk menarik pelanggan ketika aktiviti jualan berlangsung. Lazimnya aktiviti ini dilakukan pada sesi aktiviti kokurikulum sekolah (Co-Curricular Activities - CCA) yang memerlukan pelajar untuk menjual produk mereka dan pelanggan adalah terdiri daripada para pelajar, guru dan kakitangan Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah. Di samping itu, guru-guru juga merupakan penasihat para pelajar ketika mengambil bahagian dalam mana-mana pertandingan.

Kelab ini turut beroleh beberapa pencapaian melalui penyertaan dalam beberapa pertandingan antaranya melalui Brunei Entrepreneurship Education Scheme 2.0 (BEES). Pada

tahun 2016, produk Handmade Bath Bomb telah dicalonkan sebagai Produk Paling Ekonomi. Sementara pada tahun 2017, produk Gaya, iaitu produk berkaitan dengan fesyen telah berjaya menduduki tempat kedua dan pada tahun 2018 dengan produk Bath Bomb yang telah dibuat penambahbaikan menggunakan bahan tempatan, iaitu Bunga Kuduk-Kuduk dan Beras Laila telah dicalonkan sebagai Produk Tradisional dan Tempatan.

Sementara melalui Bigstart Competition, pada tahun 2017, dengan produk Burger Cookie, kelab ini tidak berjaya mara ke peringkat akhir dan hanya menduduki di tempat keenam daripada 10 buah sekolah yang menyertai.

Tidak terhenti di situ, kelab ini tidak berputus asa malah terus menyertai pertandingan tersebut pada tahun berikutnya, dengan produk Spray Away, iaitu produk pembersih kotoran dan telah berjaya mendapat tempat ketiga.

Harapan

Dengan memulakan fokus menjual produk sekurang-kurangnya sekali sebulan pada waktu CCA, tumpuan guru-guru telah berubah pada tahun 2016, iaitu mendidik dan memupuk kemahiran keusahawanan. Pada tahun 2019, Sekolah Menengah Yayasan telah membuat satu lagi langkah dengan bekerjasama dengan Junior Achievement Brunei (JAB).

Kelab ini berharap agar satu hari nanti sekolah ini boleh menyertai mana-mana program antarabangsa yang memberi tumpuan kepada Keusahawanan. Di samping itu, sekolah ini juga berharap pengetahuan berniaga ini bukan sahaja dapat dilengkapkan dalam kalangan pelajar-pelajar kelab perniagaan dan usahawan, tetapi juga untuk seluruh warga sekolah dengan harapan mereka akan berjaya bukan sahaja di negara kita dan juga dalam ekonomi global.



Teknik Neurofisiologi dalam kelas Al-Quran NQLC



Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar
Foto : Ehsan NQLC

NADI Quranic Learning Centre (NQLC) atau Pusat Pembelajaran Nadi Al-Quran ditubuhkan antara lain bertujuan untuk memperkenalkan kaedah mudah dan menyeronokkan dalam mempelajari Al-Quran bagi segenap lapisan masyarakat.

Di samping itu, NQLC juga untuk melahirkan penghafaz Al-Quran dengan Teknik Neurofisiologi juga memupuk jiwa masyarakat agar sentiasa mendekatkan diri dengan Al-Quran.

Sejak mula beroperasi pada 21 Jun 2016, sehingga kini, NQLC mempunyai keramaian pelajar hampir mencecah 2,000 orang juga mempunyai 10 cawangan pusat pembelajaran Al-Quran.

Pada 16 Jun 2019 yang baru lalu, NQLC telah mengadakan Majlis Konvokesyen bagi seramai 158 pelajar yang telah mengikuti pelbagai program di pusat berkenaan.

Dalam ucapannya selaku tetamu kehormat pada majlis konvokesyen tersebut, Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, antara lain berkata

Teknik Neurofisiologi yang digunakan oleh NQLC sangat membantu mengaktifkan otak kiri dan kanan kanak-kanak supaya menjadikan mereka aktif dan genius.

Pengarah Urusan, Nadi Quranic Learning Centre Brunei, Puan Sukmawati Dewi Masduki ketika ditemu bual oleh Pelita Brunei menjelaskan, perancangan Nadi Quranic pada masa akan datang adalah untuk memastikan modul - modul Nadi Quranic dilaksanakan dengan kualiti pembelajaran Al-Quran serta servis pengurusan yang terbaik.

Selain itu, NQLC juga akan meluaskan lagi modul pembelajaran khusus kepada Stimulasi Al-Quran kepada bayi dalam kandungan diteruskan dengan Pusat Jagaan Bayi dengan pembelajaran Al-Quran kemudian disusuli dengan Pra Sekolah Nadi Quranic.

"InsyaAllah akan datang disusuli dengan pembukaan Sekolah Rendah Nadi Quranic Tahfiz Centre, yang mana menggunakan Teknik Neurofisiologi bagi mengaktifkan penggunaan Otak Kiri dan Kanan dalam pembelajaran", jelas Puan Sukmawati Dewi.

Semoga dengan adanya usaha tersebut dapat mengajak lebih ramai masyarakat di

Negara Brunei Darussalam mencintai Al-Quran dan menjadikan Al-Quran sebagai amalan seharian di kala suka dan duka.

Misi NQLC adalah untuk membanteras buta huruf dalam kalangan masyarakat, selain untuk menanamkan sifat cintakan Al-Quran dalam diri pelajar serta menjalinkan ukhuwah yang terbaik dengan masyarakat.

Ke arah itu, NQLC telah mengambil inisiatif untuk memperkenalkan pendekatan Nadi Quran yang digunakan dalam kelas-kelas mengaji dan pendekatan neurofisiologi dalam kelas-kelas menghafaz.

1. Kelas Mengaji Al-Quran

Kelas Mengaji Al-Quran ditawarkan kepada tiga peringkat umur, iaitu :

Kindergarten, Kanak-kanak dan Dewasa. Ia terbuka kepada semua peringkat umur dan latar belakang bagi menggalakkan semua pelajar dan bakal pelajar untuk belajar Al-Quran bermula daripada mempelajari asas-asas, iaitu :

- Keupayaan mengenal dan membaca 29 huruf *hijaiyyah* dengan baik;
- Kemampuan membaca tanda-tanda baris asas bacaan, iaitu atas, bawah dan depan (*fathah, kasrah* dan *dhammah*),

- Kemahiran menguasai tanda baris dua bacaan (*tanwin*);
- Keupayaan mengenal tanda bacaan panjang (*mad*);
- Kemampuan membaca tanda bacaan mati (*sukun*); dan
- Kemahiran menguasai tanda bacaan berganda (*sabdu*).

2. Kelas Menghalusi Tajwid

Kelas Menghalusi Tajwid hanya ditawarkan kepada pelajar dewasa sahaja.

3. Kelas Talaqqi

Kelas di mana ustaz / ustazah membaca dan pelajar mengikuti bacaan, sekali gus meluruskan bacaan serta tajwid pelajar

4. Kelas Menghafaz Al-Quran

Kelas Menghafaz Al-Quran ditawarkan kepada dua peringkat umur sahaja, iaitu Kanak-kanak dan Dewasa. Ia bermatlamat untuk membantu para pelajar menghafaz surah-surah tertentu dalam Al-Quran secara bersistematik menggunakan pendekatan Neurofisiologi.

Hasil yang ingin dicapai ialah para pelajar mampu menguasai hafazan secara menyeluruh sehingga dapat membaca ayat walaupun susunan ayat dipetik secara rawak. Kebolehan ini dijana setelah otak para pelajar diberikan simulasi tertentu yang mampu mengaktifkan otak kiri dan kanan.

Penubuhan NQLC

NQLC berdaftar di bawah nama Easy Al-Quran Training & Learning Centre oleh Registrar of Companies (ROC) secara resmi pada bulan Mei 2016 dan kini beroperasi di Unit 3, Blok 'A', Simpang 607, Kampung Beribi, Negara Brunei Darussalam. Pusat berkenaan merupakan bahagian daripada Neuro Nadi International (NNI) yang berpusat di Taman Seri Gombak, Kuala Lumpur, Malaysia.

Pada dasarnya NQLC ingin menyumbang dalam pendidikan Al-Quran dengan bermatlamat untuk menghasilkan masyarakat yang boleh membaca dan cinta akan Al-Quran. Matlamat NQLC adalah untuk menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Atas dasar itu, keperluan pendidikan Al-Quran seharusnya dititik beratkan kerana padanya pendidikan Islam terbina. Oleh itu, kami berharap dan dengan lembut menyeru juga agar institusi-institusi pendidikan, khususnya pendidikan ugama dan pihak terlibat termasuk murid-murid, guru-guru dan ibu bapa supaya menjadikan Al-Quran sebagai nadi dalam kehidupan seharian.



PERSIB anjurkan Kursus Jurulatih Pencak Silat Kebangsaan Kelas 3

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 23 Jun. - Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (PERSIB) mengendalikan Kursus Jurulatih Pencak Silat Kebangsaan Kelas 3 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Kursus tersebut merupakan kesinambungan daripada sesi pertama dan kedua yang diadakan sebelum ini yang dihadiri oleh lebih 100 peserta terdiri daripada badan pertubuhan, perguruan serta kelab silat di seluruh negara. Fasilitator kursus sehari itu disampaikan oleh Ketua Jurulatih Pencak Silat Kebangsaan, Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Suhartono dan Penolong Jurulatih Pencak Silat Kebangsaan, Awang Haji Md.

Khairul Bahrin bin Haji Awang Durahman serta Ahli Jawatankuasa Tertinggi PERSIB. Hadir merasmikan kursus berkenaan ialah Yang Di-Pertua PERSIB, Pengiran Haji Mohamad bin Pengiran Haji Ludin. Dengan adanya kursus seumpama itu akan dapat memberikan lagi pengetahuan kepada para bakal jurulatih yang diiktiraf. Persekutuan PERSIB



YANG Di-Pertua PERSIB, Pengiran Haji Mohamad bin Pengiran Haji Ludin ketika merasmikan Kursus Jurulatih Pencak Silat Kebangsaan Kelas 3.



LEBIH 100 peserta terdiri daripada badan-badan pertubuhan, perguruan serta kelab silat di seluruh negara ketika menyertai Kursus Jurulatih Pencak Silat Kebangsaan Kelas 3 yang berlangsung di Stadium Tertutup, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

ditubuhkan dengan tujuan untuk menyatupadukan dan mengeratkan hubungan semua badan silat, mahupun di dalam dan luar negeri, di samping meningkatkan, memajukan dan membangun serta mengembangkan seni silat ke peringkat antarabangsa. Selain itu, ia juga bertindak sebagai badan yang memperjuangkan seni silat, perunding, penyelaras dan penasihat dalam hal ehwal seni persilatan di samping memelihara, mempertahankan dan mengembangkan seni silat sebagai seni budaya warisan orang Brunei yang mengekalkan keperibadian yang halus dan berdisiplin tinggi

dalam membentuk jasmani yang kuat dan jiwa satria yang berbudi luhur. Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan Brunei Darussalam (PERSIB) yang kini melewati usia tiga dekad, berusia 31 tahun ditubuhkan dan didaftarkan dengan Pendaftar Pertubuhan Brunei Darussalam pada 30 Disember 1986 dan berdaftar dengan Persekutuan Pencak Silat Antarabangsa (PERSILAT) pada 25 Ogos 1988 serta merupakan Ahli 4 Negara Pendiri bersama-sama dengan Republik Indonesia (IPSI), Negara Malaysia (PESAKA) dan Republik Singapura (PERSISI).

Majlis Muhibbah Silaturahim Aidilfitri Warga PTE Kalsik

Berita dan Foto :
Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 22 Jun. - Hubungan silaturahim yang terjalin dan keakraban dalam kalangan warga Pusat Tingkatan Enam 1975 - 1978 (PTE Klasik Jalan Muara) terus diperkukuhkan dan dieratkan lagi dengan adanya pertemuan pada Majlis Muhibbah Silaturahim Aidilfitri yang berlangsung di Restoran Stadium Negara Hassanal Bolkiah, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Mantan Pengetua PTE Jalan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abd. Wahab.

Tetamu kehormat majlis dalam ucapan ringkasnya mengongsikan akan kepentingan dalam menjaga kesihatan serta keperluan dalam menjaga amanah.

Sementara itu, Pengerusi



MANTAN Pengetua PTE Jalan Muara, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abd. Wahab semasa berucap pada Majlis Muhibbah Silaturahim Aidilfitri (kiri), sementara gambar kanan, persembahan nyanyian ramai daripada warga Pusat Tingkatan Enam 1975 - 1978 (PTE Klasik Jalan Muara).



Bersama Majlis, Awang Haji Yakob bin Haji Yusof dalam ucapannya menjelaskan, jalinan persahabatan dan setia kawan sesama kita tetap masih terjalin erat, kukuh dan tersimpul rapat sungguhpun pada realitinya kita

sudah tinggal berjauhan dan bertaburan di seluruh pelosok negara.

Beliau menambah, majlis tersebut adalah yang julung-julung kalinya pernah diunjayahkan, berikutan kejayaan PTE Klasik mengunjayahkan Majlis Khatam Al-Quran yang ke-100 kali khatam sempena Sambutan Maulidul Rasul pada 25 November 2018, yang diadakan di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong.

"Dari awal pembentukan PTE Klasik 1976 lagi sehingga kini bertukar gelaran menjadi PTE Klasik Jalan Muara, ahli-ahli warganya bergiat dengan bacaan Al-Quran yang melibatkan setiap ahli masing-masing membaca satu juzuk dan kini dua juzuk setiap seorang, yang mana telah berhasil menyempurnakan bacaan masing-masing sehingga telah khatam kali ke-111 - 112. Dan

kegiatan amal ini akan terus meneruskan dilanjutkan lagi untuk bacaan kali ke-113 - 114 khatam yang akan dilancarkan dalam masa terdekat, serta akan berterusan menjadi amal setiap ahli warga PTE Klasik Jalan Muara," ujarnya.

PTE Klasik, Jalan Muara terus melangkah ke hadapan, merangka dan melaksana projek-projek yang berkebakikan dan berbekalkan kesepakatan serta sokongan padu warga PTE Klasik.

Pada tahun ini, buat pertama kalinya warga PTE Klasik mengunjayahkan bacaan Al-Quran, iaitu 30 juzuk setiap pembaca, yang melibatkan seramai lebih kurang 150 warga PTE Klasik, sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah DYMM Ke-73 Tahun.

PTE Klasik juga telah mengunjayahkan projek berkebakikan, IFTAR Ramadan 1440 Hijrah, menyungkaikan para jemaah Masjid Ash-Shaliheen dan diselajarkan dengan Majlis Khatam

Al-Quran, Membaca Tahlil dan Doa Arwah dikhususkan bagi para mantan pengetua, tenaga pengajar, kakitangan serta warga PTE Klasik, Jalan Muara 1975 - 1978 yang telah kembali ke rahmatullah.

Majlis Muhibbah Aidilfitri adalah bertujuan bagi mengukuhkan dan merapatkan lagi hubungan silaturahim di antara mantan-mantan penuntut yang hadir.

Melalui pertemuan muhibah itu juga diharap akan menjadi landasan ke arah menjalin ikatan persaudaraan dan persahabatan, membina satu semangat setia kawan yang erat lagi akrab serta dapat mewujudkan suasana kemesraan dan memupuk semangat kerjasama, di samping sebagai ruang untuk bermaaf-maafan di antara satu dengan lain.

Dengan adanya pertemuan warga-warga PTE Klasik Jalan Muara itu akan meninggalkan satu kenangan manis yang sukar dilupakan oleh mereka.



ANTARA warga Pusat Tingkatan Enam 1975 - 1978 (PTE Klasik Jalan Muara) yang hadir pada majlis berkenaan.

Sukan

INFO SUKAN

KURSUS Jurulatih Pencak Silat Kebangsaan Kelas 3 anjuran Persekutuan Pencak Silat Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (PERSIB) merupakan kesinambungan daripada sesi pertama dan kedua yang diadakan sebelum ini yang dihadiri oleh para peserta terdiri daripada badan pertubuhan, perguruan serta kelab silat di seluruh negara.



ePaper Pelita Brunei

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Hamzah Mohidin

PPDB muncul juara



BERAKAS, Ahad, 23 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) muncul juara Perlawanan Badminton sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Yang Ke-67 Tahun, 2019 setelah mengalahkan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), sekali gus menempatkan Jabatan KDN di tempat kedua.

Tempat ketiga disandang oleh Biro Kawalan Narkotik dan tempat keempat milik Info Dept 'B'.

Hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyampaikan hadiah kepada pasukan pemenang pada perlawanan yang berlangsung di Dewan Setia Negara, Jabatan Penerangan, di sini, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung.

Antara yang hadir menyaksikan perlawanan, Pengurus Badan Sukan, Jabatan KDN, Dayang Hajah Nani Azyah binti Haji Mohd. Ali.

Diadakan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Ke-67 Tahun, perlawanan merupakan acara yang disusun dan dibukakan penyertaannya kepada jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri

(JPM) dan media-media swasta tempatan.

Perlawanan yang bermula sejak 17 Jun 2019 itu disertai oleh sebanyak sembilan buah pasukan, iaitu Kumpulan 'A', terdiri daripada Biro Kawalan Narkotik; Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA); JKDN; dan Info Dept 'A'.

Manakala Kumpulan 'B' pula terdiri daripada PPDB; Jabatan Radio Televisyen Brunei (RTB); Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA); Jabatan Penyelidikan Brunei; dan Info Dept 'B'.

Perlawanan dihasrat akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri, selain mempromosi cara hidup sihat dalam kalangan para pegawai dan kakitangan juga memberi peluang kepada para pegawai dan kakitangan di antara jabatan-jabatan di bawah JPM dan media tempatan untuk berinteraksi juga bertukar-tukar pandangan dalam bidang masing-masing.

Jabatan Penerangan yang dulu dikenali sebagai Perkhidmatan Penerangan, ditubuhkan pada 1 April 1952 bagi mengeratkan hubungan di antara kerajaan dan rakyat, khususnya dalam sama-sama menayakan usaha membangun negara.

AHLI Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Awang Haji Umarali bin Esung menyampaikan hadiah kepada Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) yang muncul juara Perlawanan Badminton sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan Yang Ke-67 Tahun, 2019 setelah mengalahkan Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN) (kiri), sementara gambar bawah, antara aksi menarik perlawanan peringkat akhir yang menemukan PPDB (jersi biru) menentang JKDN (jersi merah).



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

MENEGAKKAN, MENDAULATKAN AGAMA, UNDANG-UNDANG ALLAH PERLU KESABARAN

دتر بیتکن اوله جباتن قدر اغن، جباتن فردان منتري دان دچیتقن اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam